**Peralatan Pusat Dialisis CAT diterima** MS3



**Lebuhraya Bayan Lepas bakal dinaiktaraf** MS7

**MPPP raih anugerah khas** MS 25



PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

16 – 28, FEBRUARI 2013

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Semua rumah mampu milik P. Pinang RM400,000 fitnah!



**KEBERANGKATAN tiba Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah Hamidun ke negeri Pulau Pinang disambut dengan penuh hormat oleh Ketua Menteri serta isteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.**

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF & ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Warga Pulau Pinang umumnya menyambut baik inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang membina 1,320 unit rumah mampu milik bernilai antara RM72,500 hingga RM400,000 di Jalan S.P. Chelliah di sini dan Bandar Cassia, Batu Kawan, Seberang Perai Tengah (SPT), (12,000).

Sambutan itu sekaligus menolak fitnah pihak tertentu kononnya pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang hanya meluluskan projek rumah mampu milik berharga RM400,000 seunit sahaja di negeri berkenaan.



**HASNAH.**

Seorang peniaga yang hanya ingin dikenali sebagai Hasnah, 33, semasa ditemui Buletin Mutiara (BM) mengaku bahawa harga rumah mampu milik pelbagai kategori masih berpatutan.

"Harga pangsapuri kos sederhana rendah yang ditawarkan adalah murah dan mampu milik buat golongan yang berpendapatan kurang daripada RM3,500 seperti saya.

"Saya berharap sangat dapat memiliki rumah ini buat keluarga sendiri walaupun pada hakikatnya ramai yang memohon dan mengharapkan perkara yang sama," ujarnya ketika ditemui di Majlis Pelancaran Pendaftaran Minat Perumahan Mampu Milik di ruang legar, Tingkat 3, Komtar di sini baru-baru ini.

Bagi Viswanathan, 46, beliau menganggap program pendaftaran yang dibuka dalam tempoh sebulan (bermula 7 Februari lalu hingga 7 Mac ini) di tiga lokasi berbeza iaitu Komtar, Kompleks Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai MPSP (Bandar Perda, Bukit Mertajam) dan pejabat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dekat Bayan Baru dari jam 9 pagi hingga 5 petang sebagai 'harapan baru' bagi keluarganya untuk memiliki rumah sendiri.

"Ini merupakan peluang pertama saya untuk memiliki rumah sendiri bersama keluarga.

"Dengan bekerja sendiri dan gaji yang tidak begitu tinggi menyebabkan saya tidak dapat membeli rumah hingga ke hari ini. Kerajaan Negeri lancarkan program macam ni, beri dan buka peluang kepada semua kaum untuk memiliki rumah sendiri," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, PDC baru-baru ini turut mendedahkan bahawa hanya 6.2 peratus atau 82 unit sahaja rumah mampu milik di Jalan S.P. Chelliah berharga RM400,000 seunit daripada 1,320 jumlah keseluruhan unit rumah yang dibina di lokasi tersebut.

Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar berkata, 94 peratus atau kira-kira 1,238 unit rumah mampu milik berbaki di lokasi berkenaan berharga antara RM72,500 hingga RM300,000.

"(Rumah mampu milik berharga) RM400,000 itu hanya 6.2 peratus saja. Rumah mampu milik RM300,000 keluasan lantainya 900 kaki persegi diikuti RM200,000, 800 kaki persegi dan RM72,500, 700 kaki persegi.

"Dari 1,320 unit rumah keseluruhan, 770 unit (kos sederhana rendah) kita (PDC) akan bina, maknanya dekat-dekat 60 peratus unit rumah dengan harga RM72.500," ujar beliau baru-baru ini selepas Majlis Pelancaran Projek Dewan Bankuet & Sukan Bandar Seberang Jaya, di sini yang disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A. B. Tuan Lim Guan Eng.

Penjelasan Rosli itu sekaligus menolak tuduhan pembangkang Pulau Pinang kononnya Kerajaan Negeri melalui PDC membina rumah mampu milik berharga RM400,000 sahaja di negeri berkenaan.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Datuk Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri), Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti, Pengangkutan) serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) lain turut hadir pada majlis anjuran PDC berkenaan.

Hadir bersama, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif serta beberapa Ahli Majlis MPSP seperti Amir Ghazali, Ahmad Tarmizi Abdullah, Md. Jamil Abd. Rahman, Soon Lip Chee, Ahmad Kaswan Kassim dan Mohamad Shaipol Ismail.

"Harga rumah di Pulau Pinang ini sebenarnya mengikut aras tanda PR1MA (Perumahan Rakyat 1Malaysia). Dari aras tanda itu, harga ditentukan dengan mengambil kira lokasi (nilai tanah)," ujar beliau.

Sebelum itu, Guan Eng menasihatkan pembangkang Pulau Pinang supaya menghentikan kenyataan berunsur fitnah ke atas Rosli serta Kerajaan Negeri dengan mengelirukan fakta berhubung isu perumahan mampu milik di negeri berkenaan.

"Kita (Kerajaan Negeri) pun menerima arahan daripada Kerajaan Pusat bahawa harga rumah mampu milik adalah antara RM72,500 hingga RM400,000, dan ini dijalankan oleh Datuk Rosli (Rosli) mengikut apa (aras tanda harga) yang ditetapkan (kementerian).

"Tetapi, saya kesal apabila Datuk Rosli (Rosli) dalam menjalankan tugasnya, datang pula fitnah-fitnah yang mengatakan Kerajaan Negeri membina rumah mampu milik berharga RM400,000 sahaja.

"Apabila Kerajaan Pusat buat (rumah mampu milik berharga RM400,000), dia (pembangkang Pulau Pinang) kata 'betul'. Apabila kita (Kerajaan Negeri) ikut apa yang Kerajaan Pusat buat, dia (pembangkang) kata 'tak betul'," tegas Guan Eng.

# Inisiatif PTSR bantu peniaga kecil, tiada bebanan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BAYAN BARU –** Menerusi usaha berterusan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) dalam mempertingkatkan pemberian kemudahan pinjaman mikro kepada golongan peniaga kecil, sebuah skim pinjaman mikro-kredit iaitu Program Titian Saksama Rakyat (PTSR) telah diperkenalkan di Pulau Pinang sejak tahun 2009.

Menurut Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman, PTSR bukan sahaja berperanan menawarkan modal tambahan kepada usahawan kecil, malah menggalakkan rakyat yang keterbawahan untuk menceburi bidang perniagaan sebagai sebahagian usaha membasmi kemiskinan.

"Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah mewujudkan satu inisiatif pada 2009 iaitu skim pinjaman mikro-kredit yang bertujuan merangka satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan kepada para peniaga kecil di negeri ini.

"Malah, PTSR juga mampu mewujudkan rangkaian usahawan dan penubuhan koperasi peniaga-peniaga kecil yang mampu menjana peniagaan para peniaga ini," katanya ketika hadir merasmikan Majlis Penyerahan Cek PTSR kepada 60 peniaga kecil di sini baru-baru ini.

Tambah Mansor, dana permulaan adalah sebanyak RM3 juta dan sehingga tahun 2012, seramai kira-kira 900 penjaja dan peniaga kecil telah memperoleh manfaat melalui skim berkenaan.

Sementara itu, Jamaliah Baharin, 30, salah seorang penerima PTSR dan peniaga barangan aksesori wanita berkata, beliau sangat bersyukur kerana bayaran balik pinjaman tersebut tidak membebankan.

"Pihak PDC meletakkan syarat kutipan mingguan sekitar RM65 dan ia sebenarnya tidak membebankan, malah, membantu untuk menambah bilangan aksesori sedia ada di kiosk saya.

"InshaAllah, saya menyimpan hasrat untuk membuka lagi beberapa cawangan kiosk di pasaraya di Pulau Pinang setelah hampir dua tahun menceburi bidang ini dan menampakkan sambutan yang amat menggalakkan," ujarnya yang kini mempunyai sebuah kiosk di Tabung Haji, Bayan Lepas kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Bagi Yap Poh Lian, 30, yang mengusahakan pusat penjagaan wajah menyatakan bahawa ia merupakan kali pertama beliau menerima pinjaman mikro-kredit.

"Tidak membebankan, bagus untuk peniaga kecil seperti saya.

"Duit ini akan digunakan untuk membeli barangan penjagaan wajah," ujar beliau.

Manakala, bagi pengusaha kedai telefon dan fotostat, S. Krisna, 30, beliau pernah tiga kali memohon untuk membuat pinjaman di bank, namun ianya tidak dilayan.

"Saya gembira kini kerana PTSR adalah mudah dan tidak membebankan.

"Bank susah nak lulus pinjaman yang sedikit," katanya yang memperoleh RM3,000 bagi menambahbaik kedainya di Batu Kawan.

Bagi peniaga kecil dan penjaja yang ingin memohon PTSR, sila hubungi PDC di talian 04 - 634 0111 atau layari laman sesawang PDC di *http://bm.pdc.gov.my/index.php/loan-facilities*.




**SEBAHAGIAN penerima Pinjaman Titian Saksama Rakyat bergambar bersama-sama Mansor Othman (hadapan, lima dari kiri) pada Majlis Penyerahan Cek PTSR di sini baru-baru ini.**



**JAMALIAH Baharin.**



**S. KRISNA.**



**YAP Poh Lian.**

**SINDIR MUTIARA**

Oleh: **Sam**



# RM20 juta 'satu dividen anti-rasuah' basmi miskin - KM



SEBAHAGIAN hadirin yang hadir pada Majlis Perasmian AES Peringkat Daerah Barat Daya di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Peruntukan RM20 juta untuk mencukupkan pendapatan isu rumah bulanan rakyat Pulau Pinang kepada RM770 adalah 'satu dividen anti-rasuah', kata Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Berucap sempena Majlis Perasmian Agenda Ekonomi Saksama (AES) Peringkat Daerah Timur Laut di sini, Ketua Menteri itu berkata, peruntukan RM20 juta boleh diberi kerana Kerajaan Negeri berjaya memperoleh lebihan bajet tiap-tiap tahun.

"Kemampuan menjalankan program AES dengan peruntukan RM20 juta hanya dapat dilaksanakan kerana Kerajaan Negeri mempunyai lebihan bajet setiap tahun hasil daripada pentadbiran bersih bercorak CAT, iaitu Cekap, Akauntabel dan Telus.

"Itulah faedah yang dapat dikongsi bersama rakyat hasil daripada pentadbiran kerajaan bersih (iaitu) 'satu dividen anti-rasuah'," ujar beliau di Kompleks Masyarakat Penyayang baru-baru ini di sini.



SEBAHAGIAN penerima sumbangan bergambar bersama-sama Ketua Menteri, Phee Boon Poh (kanan sekali) dan Teh Yee Cheu (dua dari kanan) sempena Majlis Perasmian AES Peringkat Daerah Timur Laut.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Teh Yee Cheu (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Tanjong Bunga) turut hadir pada majlis itu.

Difahamkan, lebihan kewangan atau surplus bagi tahun 2008 adalah sebanyak RM88 juta, 2009 (RM77 juta), 2010 (RM33 juta).

Surplus bagi tahun 2011 pula meningkat sebanyak 312 peratus menjadi RM138.32 juta.

Selain itu, peningkatan hasil Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM603 juta bagi tahun 2011, berbanding tahun 2010, RM411 juta.

Ini memberi gambaran margin peningkatan hasil Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM192 juta atau 47 peratus daripada jumlah hasil tahun 2010.

Ekoran itu, Guan Eng berkata, seramai 2,814 individu didaftar menerima bantuan am daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pulau Pinang.

Daripada jumlah itu, katanya, seramai 66 orang akan menerima bantuan berjumlah antara RM200 hingga RM770 tiap-tiap bulan.

Itu, tidak termasuk 92 orang penerima bantuan yang sama dalam Majlis Perasmian AES Peringkat Daerah Barat Daya.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri mampu melaksanakan Program Sumbangan dan Penghargaan Warga Emas, Bantuan Orang Kurang Upaya (OKU), Anak Emas, Pelajar Emas, Penghargaan Ibu Tunggal, Bantuan *One-Off* Anak Pulau Pinang Masuk IPTA serta sumbangan waris warga emas meninggal dunia yang kesemuanya berjumlah kira-kira RM100 juta selama hampir lima tahun ini adalah disebabkan 'satu dividen anti-rasuah' tersebut.

"Sungguhpun bantuan ini tidak seberapa, namun, sekurang-kurangnya dapat membuka jalan dan nafas baru kepada golongan miskin," ujar beliau.

Terdahulu, idea mencukupkan pendapatan isi rumah bulanan warga Pulau Pinang pada RM770 dikemuka oleh Guan Eng semasa membentangkan Belanjawan Pulau Pinang Bagi Tahun 2013 pada November tahun lepas.

Tambah Guan Eng, RM20 juta yang dianggap sebagai 'satu dividen anti-rasuah' itu mampu membasmi kemiskinan tegar berdaftar, sekaligus mereputasi Pulau Pinang sebagai negeri pertama mencapai taraf Miskin Sifat dan Rasuah Sifar.

# KKM dirayu segerakan pengeluaran lesen Pusat Dialisis CAT

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BALIK PULAU -** Kerajaan Negeri merayu kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) supaya menyegerakan pengeluaran lesen kepada Pusat Dialisis Cekap, Akauntabel, dan Telus (CAT) berikutan pusat tersebut sudah menerima lima daripada 10 unit mesin dialisis dan bersedia untuk beroperasi.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya pada Majlis Penerimaan Peralatan Pusat Dialisis CAT di Kompleks Pasar Awam Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) Balik Pulau di sini baru-baru ini menggesa Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Liow Tiong Lai supaya menyegerakan pengeluaran lesen atas dasar kedua-dua pihak adalah kerajaan yang perlu menjaga rakyat.

"Saya berharap, pihak KKM dapat bersama-sama menolong rakyat. Keluarkan lesen dengan secepat mungkin. Kita juga telah mengubahsuai tempat ini sehingga membabitkan kos berjumlah RM150,000. Tolong jangan politikkan isu kesihatan dan kepentingan rakyat.

"Ingin saya maklumkan juga bahawa mesin yang kita (Kerajaan Negeri) terima adalah mesin yang terbaik di dunia. Ini sudah tentulah sebab ianya buatan dan sumbangan pembekal peralatan perubatan terkemuka dunia, B Braun Medical Supplies Sdn. Bhd, " tegasnya pada majlis tersebut.

Melalui pengimplementasian inisiatif tersebut, kos perkhidmatan Pusat Dialisis CAT yang bakal diberi subsidi oleh kerajaan pusat dan Kerajaan Negeri ialah pada kadar mesra rakyat dan termurah iaitu setiap seorang pesakit hanya perlu membayar sebanyak RM30 bagi setiap sesi rawatan berbanding kadar biasa, RM150.

Guan Eng dalam pada itu turut memaklumkan bahawa terdapat 50 pusat dialisis yang beroperasi di seluruh negeri Pulau Pinang, malah, hanya 36 buah (daripada jumlah keseluruhan) sahaja memiliki lesen sah.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Rusa, Mohd. Sukri Ishak, 47, menyifatkan inisiatif tersebut sebagai satu anugerah Kerajaan Negeri kepada rakyat Balik Pulau khususnya.

"Kos mesin sahaja sudah cukup tinggi. Melalui usaha ini, ia bakal memudahkan pesakit yang kurang berkemampuan.



KETUA Menteri mencuba salah sebuah mesin dialisis dibekalkan sambil diperhatikan Abdul Halim Hussain (tiga dari kiri), Abdul Malik Abul Kassim (dua dari kiri) dan Sim Tze Tzin (kiri sekali) pada Majlis Penerimaan Peralatan Pusat Dialisis CAT di Kompleks Pasar Awam MPPP Balik Pulau di sini baru-baru.

"Selain itu, ianya juga bakal memberi sinar harapan kepada para pesakit untuk memperoleh taraf kesihatan yang baik," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abdul Halim Hussain, Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Ahli Parlimen Balik Pulau, Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, ADUN Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin dan Yang DiPertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail.

# 27 penduduk Flat Rumah Hijau Mak Mandin Mandin terima wang kembali

Oleh**: MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**BAGAN JERMAL –** Seramai 27 penduduk Flat Rumah Hijau Mak Mandin yang sebelum ini telah membuat bayaran penuh bernilai RM19,000 untuk kediaman pampasan mereka memperoleh kembali wang masing-masing hasil inisiatif khas Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR).

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus berkata, golongan tersebut merupakan antara mangsa kebakaran dan penduduk yang dipindahkan ekoran pengambilan balik tanah tapak Ekspo Seberang Jaya di sini oleh Kerajaan Negeri terdahulu.

“Secara keseluruhan, seramai 103 pemilik rumah, 80 daripadanya adalah mangsa kebakaran manakala 23 adalah disebabkan perpindahan akibat pengambilan semula tanah tapak ekspo terlibat dalam kemelut yang telah berlarutan dalam tempoh 30 tahun sebelum ini.

“Daripada jumlah tersebut, hanya 27 sahaja yang akan terima kerana mereka telah menjelaskan bayaran sepatutnya termasuk caj penyelenggaraan, maknanya tidak mempunyai hutang lagi,” katanya pada Majlis Penyerahan Cek Kepada 27 Pemilik Flat Rumah Hijau Mak Mandin di sini baru-baru ini.

Majlis penyerahan tersebut disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Lim Hock Seng, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif; Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud dan Pegawai Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Saodah Nawawi.

Dalam pada itu, Hock Seng berkata, penangguhan penyelesaian isu yang dicetuskan ketika pemerintahan Kerajaan Negeri sebelum ini adalah disebabkan Bahagian Perumahan perlu mengambil masa mencari semula fail-fail berkaitan.

“Ada yang sudah dihapus dan ada yang telah hilang. Maka, Kerajaan Negeri perlu masa untuk mencari semula sama ada di pejabat daerah, pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) dan juga pejabat perumahan,” jelas beliau.



ANUAR Sharif.



M. P. Seethaletchimee di samping anaknya.

Sementara itu, bagi seorang penerima, Anuar Sharif, 48, beliau melahirkan rasa gembira kerana menerima ‘kembali’ wang RM19,000 tersebut.

“Dahulu, saya membuat pinjaman untuk membeli rumah ini bagi pihak emak, Salmiah Abdul Rahman, kerana pada ketika itu adik-beradik lain telah membelanjakan wang masing-masing bagi membolehkan emak menunaikan ibadah haji.

“Saya akan gunakan wang ini untuk keperluan masa depan anak-anak,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Warga emas, M. P. Seethaletchimee, 65, pula menyatakan bahawa setelah sekian lama menunggu, beliau kini akan menggunakan wang diterimanya untuk simpanan waktu susah.

Lai Goek Wooy, 57, pula mengucapkan terima kasih kepada Ketua Menteri kerana menolong menyelesaikan masalah yang telah berlarutan untuk sekian lama.

## Gelanggang sukan sedia aktiviti alternatif anak muda luar bandar

Oleh**: AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SUNGAI ACHEH -** Perasmian Gelanggang Sukan Serbaguna Sungai Acheh di Seberang Perai Selatan (SPS) di sini membuktikan Kerajaan Negeri prihatin dengan masyarakat luar bandar di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, perasmian gelanggang sukan tersebut merupakan satu projek perintis oleh Kerajaan Negeri bagi menyediakan satu aktiviti alternatif bagi anak muda luar bandar.




KANAK-kanak beriadah di Gelanggang Sukan Serbaguna Sungai Acheh yang merupakan projek perintis Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

“Projek perintis ini dipilih untuk dijalankan di kawasan luar bandar kerana dilihat amat berkesan ekoran setiap hari terdapat aktiviti yang dilakukan anak-anak muda luar bandar,” ujar beliau ketika majlis perasmian baru-baru ini di sini.

Beliau berkata, projek perintis di Sungai Acheh merupakan projek kedua dijalankan Kerajaan Negeri selepas Gelanggang Sukan Rakyat di Penaga, Seberang Perai Utara (SPU).

Pembinaan gelanggang berkenaan, menurut beliau, menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam menjaga kebajikan masyarakat luar bandar.

Guan Eng memberitahu, sejumlah RM110,000 diperuntukkan untuk membina gelanggang 2 dalam 1 termasuk sebuah bilik pejabat pengurusan gelanggang.

“Ini menunjukkan kebaikan tender terbuka dan kontraktor, Urusan Jaya Enterprise telah dipilih kerana membuktikan boleh membina gelanggang berkualiti sungguhpun dengan harga yang rendah,” ujarnya.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman semasa berucap berharap agar penduduk setempat sentiasa menjalankan aktiviti riadah.

“Kesihatan rakyat Pulau Pinang merupakan aset penting dalam membangunkan ekonomi negeri kerana Pulau Pinang tidak mempunyai hasil kekayaan sumber bumi seperti negeri lain.

“Kerana itulah, Kerajaan Negeri lebih memberi perhatian kepada kebajikan rakyat Pulau Pinang dengan memperkenalkan pelbagai program mesra rakyat,” jelas Mansor.

Turut hadir, Pegawai Daerah SPS, Rohani Hassan, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Maktar Shapee dan ADUN Jawi, Tan Beng Huat.

## Isu Kampung Federal – perbincangan lanjut bakal diadakan

**BUTTERWORTH –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bakal bertemu sendiri dengan tuan tanah berhubung tindakan pengambilan tanah di Kampung Federal bagi menyelesaikan isu bayaran pampasan yang terlalu rendah membabitkan 11 keluarga di sini.



SEBAHAGIAN penduduk Kampung Federal menunjukkan surat bertulis diterima daripada tuan tanah di sini baru-baru ini.

Isu berkenaan timbul setelah tuan tanah membuat tuntutan untuk mengambil semula tanah tersebut baru-baru ini.

Menerusi tindakan tersebut, 11 keluarga terlibat bakal diberikan kediaman serta pampasan yang telah dibayar antara RM1,000 dan RM4,000.

Namun, para penduduk tidak bersetuju dengan nilai pampasan yang dibayar kerana merasakan ia adalah terlalu rendah.

Ekoran itu, 11 keluarga terbabit telah melanjutkan perkara tersebut kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Tanasekaran untuk menambah nilai pampasan sebanyak RM10,000 lagi.

Walau bagaimanapun, tuan tanah enggan bertemu dengan ADUN tersebut dan hanya menghantar peguam beliau sebagai wakil.

Melihat kepada keadaan tersebut, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan mengambil inisiatif khas untuk menyelesaikan isu terbabit pada kadar segera.

Ketika pertemuan dengan para penduduk kampung berkenaan, beliau menyatakan bahawa Kerajaan Negeri tidak memberi sebarang kelulusan untuk tuan tanah membuat sebarang pembangunan.

“Tetapi, semua pun tahu, tuan tanah boleh ambil tanahnya sendiri. Jika menerima perintah mahkamah, kerajaan pun tidak boleh campurtangan,” katanya pada sesi pertemuan khas dengan para penduduk di sini baru-baru ini.

Tambahnya, beliau dalam pada itu akan sampaikan hasrat para penduduk kepada tuan tanah dalam pertemuan dijadualkan kelak.

“Sepanjang tempoh tersebut, tuan tanah tidak seharusnya mengambil sebarang tindakan,” tegasnya.

Turut hadir, wakil penduduk Kampung Federal, Khairon Bee Mohamed Saliho, 38.

# Rumah Terbuka Tahun Baru Cina negeri sederhana, penuh harmoni

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**



**KETUA Pegawai Eksekutif *Penang Institute*, Zairil Khir Johari (tiga dari kanan) bersama-sama pasukan gerak kerja Kerajaan Negeri ketika mengedarkan buah limau mandarin di Pasar Air Itam sempena sambutan Tahun Baru Cina di sini baru-baru ini.**


**ABDUL Rahman Abbas (tengah) dan isteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyempurnakan adat istiadat *'yee sang'* sempena Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Pulau Pinang.**

**BAYAN BARU –** Sambutan Majlis Rumah Terbuka Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Peringkat Negeri Pulau Pinang dianjurkan dalam suasana sederhana dan penuh harmoni di sini baru-baru ini.

Penganjuran keraian itu semasa pembangkang Pulau Pinang dilaporkan merancang untuk mengadakan rumah terbuka secara mewah dengan menjemput penyanyi Korea, Psy *'Gangnam Style'* pada sebelah pagi hari kedua Tahun Baru Cina di negeri berkenaan.


**PERSEMBAHAN pelbagai etnik yang turut menjadi tarikan pada Majlis Sambutan Kebudayaan dan Warisan Tahun Baru Cina 2013.**

Bertempat di Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA), di sini, hampir 5,000 hadirin pelbagai bangsa tak putus-putus berkunjung ke rumah terbuka Guan Eng.

Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff menjadi tetamu kehormat utama pada majlis keraian itu.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II) serta Exco-exco Kerajaan Negeri lain turut hadir pada majlis tersebut.

Adat istiadat *'yee-sang'* oleh semua dif kehormat dalam majlis tersebut sekaligus seakan menyerlah keharmonian kepemimpinan Kerajaan Negeri yang terdiri oleh pelbagai latar belakang budaya dan adat.

Di pentas utama pula, pelbagai tarian kebudayaan Cina, Melayu dan India dilihat mencuri perhatian hadirin.

Manakala, kanak-kanak dilihat terhibur dan gembira selepas menerima *'ang pau'* daripada isteri kepada Ketua Menteri, Betty Chew.

Guan Eng berkata, anjuran rumah terbuka kali ini sungguhpun sederhana, tetapi, cukup bermakna untuk keharmonian rakyat pelbagai kaum.

"Kita tidak akan membazirkan duit sampai berjuta ringgit untuk memanggil artis luar. Kalau kita ada duit banyak, kita akan meneruskan program membasmi kemiskinan.

"Mereka (pembangkang Pulau Pinang) berjanji hiburan jika memerintah negeri ini. Kita (Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat) berjanji untuk terus meningkatkan kualiti tadbir urus kerajaan secara berhemat, berjimat cermat, tidak membazir dan paling penting (adalah) tidak mengamalkan rasuah.

"Dengan urus tadbir yang Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT), kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) akan mendapat lebih banyak 'dividen anti rasuah' berupa lebihan kewangan (surplus) untuk membasmi kemiskinan rakyat," ujarnya di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Pulau Pinang diadakan pada hari kelima sambutan Tahun Baru Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Keng Koon, Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan (SPS).

Majlis tersebut dimeriahkan dengan kehadiran lebih 5,000 pengunjung.


**SEBAHAGIAN pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat turut sama memeriahkan sambutan Majlis Rumah Terbuka Ketua Menteri di PISA.**

# Jalinan kerjasama erat bakal mantapkan FAP

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**


**PASUKAN FAP bergambar kenangan bersama-sama Mansor (duduk, lima dari kanan) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada sesi lawatan khas di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Para pemain dan pegawai Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) begitu teruja pada sesi lawatan yang bertujuan menjalin kerjasama erat bersama Kerajaan Negeri di Komtar di sini baru-baru ini.

Bersempena itu, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman yang mewakili Kerajaan Negeri telah diberi taklimat pengenalan oleh Presiden FAP, Mohd. Foaz Hamid.

Menurut Mohd. Foaz, pemain dan barisan kepimpinan FAP sangat teruja apabila dikhabarkan mengenai hasrat Kerajaan Negeri yang berkenan mengadakan satu sesi perjumpaan bersama bagi menaikkan imej bola sepak Pulau Pinang

"Saya amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana sanggup meluangkan masa bertemu dengan pihak kami.

"Pemain-pemain dan barisan pegawai FAP begitu bersemangat apabila mendapat peluang ini. Hubungan yang terjalin ini diharapkan dapat membantu dalam menaikkan semula nama Pulau Pinang sebagai pasukan bolasepak yang disegani sebagaimana pada satu ketika dulu," ujarnya pada majlis sidang media khas di sini baru-baru ini.

Bersempena itu, pemain-pemain dan pegawai turut memperkenalkan diri kepada Mansor dan turut dibawa melawat ke Tingkat 65, Komtar *(roof top)*.

Turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abdul Halim Hussain, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus, dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Ong Khan Lee.

Dalam pada itu, Mansor menyatakan bahawa maruah bola sepak Pulau Pinang wajar dikembalikan sebagaimana zaman-zaman sebelum ini yang banyak melahirkan jagoan negara.

"Satu ketika dahulu, Pulau Pinang memang hebat. Banyak melahirkan pemain-pemain berkualiti.

"Melihat kepada barisan pemain kini, jurulatih, Merzagua Abderrazak dan kepimpinan yang ada, saya yakin itu semua dapat direalisasikan," ujar beliau.

Mansor turut mengambil kesempatan tersebut mengucapkan tahniah di atas kemenangan pasukan FAP mengalahkan pasukan Polis (PDRM) 2-1 baru-baru ini.

"PDRM juga merupakan pasukan kuat yang tidak pernah kalah sebelum itu.

"Kerajaan Negeri mungkin akan memberi sedikit 'suntikan' bagi mengembalikan zaman kegemilangan kita. *Penang once again, will lead in football,"* tegasnya.

# RM15 juta lebar jalan surai trafik

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT MERTAJAM -** Rancangan penyuraian trafik di sekitar Bukit Mertajam diteruskan lagi dengan langkah pelebaran satu jalan sepanjang 1.5 kilometer (km) yang menghubungkan Jalan Song Ban Kheng dengan Jalan Bukit Minyak di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri mengeluarkan peruntukan pembangunan berjumlah RM15 juta demi manfaat rakyat.

"Keseluruhan kos dianggarkan RM15 juta, termasuk RM3.5 juta kos utiliti dan proses ambil alih tanah.

"Ini sebagai satu lagi projek mesra rakyat di mana untuk keselesaan penduduk, ia membabitkan kawasan penduduk Dewan Undangan Negeri (DUN) Padang Lalang dan (DUN) Machang Bubuk," ujarnya pada sesi lawatan khas ke lokasi di sini baru-baru ini.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng, Tan Cheong Heng (ADUN Padang Lalang) serta wakil kepada Datuk Tan Hock Leong (ADUN Machang Bubuk merangkap Timbalan Speaker DUN Pulau Pinang) turut hadir pada sidang media itu.

Hadir bersama, Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang, Ahmad Latif Abdul Hamid.

Guan Eng berkata, projek pelebaran jalan tersebut dijadualkan bermula pada bulan Januari tahun depan, iaitu sejurus selesai kerja-kerja naiktaraf di Jalan Song Ban Kheng di sini.

"Kita tidak akan jalankan dua-dua projek serentak. Tapi, kita akan pastikan projek ini sesegera mungkin secara berperingkat untuk elak kesesakan (trafik di Bukit Mertajam)," jelas Guan Eng.

Sebelum pada itu, Cheong Heng merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Guan Eng kerana cakna dengan aduan yang beliau kemukakan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Lalulintas, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng berkata, projek naiktaraf jalan tersebut sekaligus menolak dakwaan pihak pembangkang Pulau Pinang kononnya Kerajaan Negeri tidak berbelanja peruntukan pembangunan demi kepentingan rakyat.

Difahamkan, perbelanjaan pembangunan Kerajaan Negeri antara tahun 2008 hingga 2011 berjumlah RM743.4 juta, berbanding empat tahun sebelumnya (2007 hingga 2004) yang berjumlah RM444.5 juta.

Peningkatan sebanyak 67.2 peratus atau RM298.9 juta itu meliputi kerja naiktaraf infrakstruktur jalan, longkang, taman hijau, dewan orang ramai, pasar dan sekolah-sekolah.

"Ini sekaligus membuktikan kita (Kerajaan Negeri) membelanjakan peruntukan pembangunan.

"(Kerajaan Negeri) bukan tidak berbelanja, tetapi, kita jimat berbelanja," tegas beliau.

## Pengguna perlu bijak – Abdul Malik

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BAYAN BARU –** Sempena sambutan Tahun Baru Cina baru-baru ini, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim bersama pasukan Pemantau Pengguna *(Consumer Watch)* telah menjalankan pemantauan di Pasar Awam Bayan Baru di sini.

Abdul Malik berkata, pasukan Pemantau Pengguna bukan sahaja bergerak apabila tibanya musim perayaan, malah, juga secara berkala bagi memastikan harga pasaran sentiasa mengikut senarai harga siling barangan keperluan dikeluarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

"Bukan sahaja pasar-pasar awam, tetapi kita juga memantau pasaraya, kedai-kedai runcit dan peniaga-peniaga kecil agar mereka (para peniaga) sentiasa mematuhi Akta Kawalan Harga dan Akta Kawalan Bekalan di bawah KPDNKK.

"Sehingga hari ini, pihak kami masih belum menerima sebarang aduan berkaitan kenaikkan mendadak harga-harga barangan kawalan seperti gula, tepung gandum, minyak masak, ayam daging dan telur di sini," katanya selepas selesai menjalankan pemantauan harga di Pasar Awam Bayan Baru di sini baru-baru ini.

Tambahnya, pengguna perlu bijak menggunakan kuasa beli bagi mengawal kenaikkan harga barang terutama ketika musim perayaan.

"Jika pengguna saling berkerjasama dan sanggup mengawal kuasa beli dengan tidak mengikut hawa nafsu, maka dengan sendirinya para peniaga tidak berani menaikkan harga," ujarnya.

Beliau memberitahu, orang ramai boleh membuat aduan mengenai sebarang kenaikkan harga barangan atau aktiviti cuba menyembunyikan barangan kepada pasukan pemantau supaya tindakan segera dapat diambil.

"Kita mempunyai 40 pasukan yang terdiri daripada 29 anggota Dewan Undangan Negeri (DUN) dan 11 pemimpin masyarakat untuk mengetuai pemantauan di kawasan masing-masing," ujar Abdul Malik.

Pasukan Pemantau Pengguna yang dipengerusikan Abdul Malik ditubuhkan sejak 2008 bertujuan untuk memantau harga barangan dan menjalankan program-program kepenggunaan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu-isu kepenggunaan.



**ABDUL Malik Abul Kassim (depan, berkaca mata) bertanyakan sesuatu kepada salah seorang peniaga sayur-sayuran dalam operasi pemantauan harga di Pasar Awam Bayan Baru di sini baru-baru ini.**



**KETUA Menteri menunjukkan pelan jajaran saluran air sambil diperhatikan Pengurus Besar PBAPP, Ir. Jaseni Maidensa (dua dari kiri) dan exco Kerjaraya, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy (dua dari kanan) dan Exco Kerjaraya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

## PAAB diseru cepatkan Projek Pemindahan Air Antara-Negeri

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** - Pulau Pinang menyeru Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) mempercepatkan Projek Pemindahan Air Antara-Negeri Perak-Pulau Pinang bagi memastikan negeri ini tidak akan menghadapi risiko kekurangan air selepas tahun 2020.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang juga Pengerusi Perbadanan Bekalan Air Holidings (PBAH) berkata, Pengerusi PAAB, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali telah memberi jaminan bahawa semua negeri yang telah menandatangani perjanjian penstrukturan semula dengan PAAB akan diberi modal kewangan untuk pembiayaan projek-projek masing-masing.

"Sebagai pengetahuan ramai, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menandatangani perjanjian dengan kerajaan persekutuan untuk memindahkan aset air di bawah Inisiatif Penstrukturan Industri Perkhidmatan Air pada 2 Jun 2011.

"PAAB adalah pemilik dan pengurus aset air negara di bawah inisiatif tersebut. Antara syarat persetujuan untuk pemindahan aset air adalah supaya tanggungjawab pembiayaan semua projek air negeri yang dianggarkan akan menelan belanja lebih daripada RM3.2 bilion akan ditanggung oleh kerajaan persekutuan.

"Malah, cadangan Skim Pemindahan Air Sungai Perak telah diluluskan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) pada 30 Jun 2012 dan disokong oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), dan sedang menunggu kelulusan pelaksanaan oleh Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri," katanya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Tambah Guan Eng, kini sebanyak 80 peratus sumber air adalah dari Sungai Muda dan sumber tersebut hanya boleh menampung permintaan sehingga tahun 2020.

"Terdapat keperluan segera untuk melaksanakan skim pemindahan air antara-negeri bagi memastikan permintaan air masa depan dapat dipenuhi, serta untuk mengurangkan kebergantungan kepada satu sumber iaitu Sungai Muda, dan juga ketidakpastian ekoran aktiviti pembalakan di kawasan-kawasan tadahan air Kedah," jelasnya.

Beliau memberitahu, cadangan Pemindahan Air Mentah Perak-Pulau Pinang akan dilaksanakan dengan mengepam air mentah melalui terowong baru yang bakal melintasi lembangan Kerian dan Sungai Perak.

"Air mentah akan diekstrak dari Sungai Kerian di kawasan berdekatan dengan bendungan rendah Pulau Pinang bagi rawatan di Loji Rawatan Air Kerian yang dicadangkan untuk membekalkan air yang boleh diminum ke negeri Pulau Pinang.

"Projek ini membabitkan infrastruktur air mentah dan rawatan air. Mengikut model perniagaan penstrukturan semula air, infrastruktur air mentah akan dibiayai melalui geran daripada kerajaan persekutuan, manakala infrastruktur rawatan air bakal dibiayai PAAB.

"Anggaran jumlah keseluruhannya adalah bernilai RM2 bilion dan ia akan mengambil masa tujuh tahun untuk siap," ujar Guan Eng.

Kata beliau, projek tersebut dijangka akan menyediakan penyelesaian holistik bagi keperluan masa depan untuk air minum serta sistem pengairan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Lembaga Air Perak (LAP) dan Jabatan Perparitan dan Pengairan sehingga tahun 2050.

# MPPP lantik Ikram siasat dua projek cerun

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Dua projek cerun di sepanjang Lorong Kenari dan Pintasan Kenari dekat Sungai Ara di sini yang dianggap membahayakan warga setempat akhirnya dirujuk kepada Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram).

Setiausaha bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ir. Ang Aing Thye berkata, Ikram dilantik hasil dua mesyuarat dengan pemaju, Palmex Industries Sdn. Bhd. yang dipengerusikan oleh Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow.

Dua projek berwajib itu terdiri oleh 107 unit rumah tiga tingkat di Pintasan Kenari dan satu lagi, 51 unit rumah teres (Lorong Kenari 9).

"Bagi projek pertama, pemaju telah dinasihatkan untuk merekabentuk dinding pengekalan peringkat 9 meter dinding, iaitu kira-kira 4.5 meter," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.



**CHOW Kon Yeow menunjukkan pelan dinding pengekalan sambil diperhatikan Abdul Malik Abul Kassim pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

Selain Kon Yeow, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan Datuk Ar. Patahiyah Ismail (Yang Dipertua MPPP) serta wakil pemaju turut hadir dalam siang media itu.

Aing Thye berkata, pemaju telah mengemukakan cadangan untuk merekabentuk semula dinding pengekalan dan ia akan dibincangkan tidak lama lagi pada mesyuarat satu pusat sehenti.

Tambah beliau, Ikram sedang memulakan siasatan berwajib dan laporan susulan dikemukakan kepada Majlis menjelang akhir bulan ini.

Sementara itu, Kon Yeow berkata, pemaju akan memastikan bahawa kerja-kerja tanah bagi projek-projek yang disemak dan cadangan perunding diambil serius.

# Naiktaraf Lebuhraya Bayan Lepas bakal bermula



**LIM Hock Seng (kiri sekali) menunjukkan pelan naiktaraf Lebuhraya Bayan Lepas sambil diperhatikan Abdul Malik Abul Kassim (tengah) dan Chow Kon Yeow pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Bagi mempertingkatkan tahap perkhidmatan lalulintas dari persimpangan Batu Maung ke Jambatan Pulau Pinang di sini, projek naiktaraf Lebuhraya Bayan Lepas yang menelan belanja RM220 juta bakal dimulakan menjelang Februari ini.

Ketika mengumumkan perkara itu, Exco Kerja Raya Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi), Lim Hock Seng berkata, projek menaiktaraf Lebuhraya Bayan Lepas sepanjang kira-kira lima kilometer itu akan dimulakan menjelang Februari ini secara berperingkat manakala kerja-kerja pembinaan pada September ini.

Katanya, lebuhraya berkenaan membabitkan laluan jajaran luar pesisir pantai (FT3113) melalui zon perdagangan bebas (FTZ) ke Kompleks Membeli-belah Queensbay menuju ke Jambatan Pulau Pinang.

"Jika semuanya berjalan lancar, lebuhraya ini dijangka siap menjelang tahun 2015.

"Malah, para pengguna lebuhraya tidak perlu lagi berhenti di lampu isyarat seperti sekarang ini," katanya pada sidang akhbar di sini baru-baru ini.

Tambahnya, selain lencongan trafik, projek tersebut turut melibatkan kerja-kerja pembinaan *'revetment'* dan dinding penahan berhampiran pantai, rawatan tanah, pelebaran jalan, pelebaran saluran, laluan pejalan kaki, pembinaan *'flyover'* dan menaiktaraf jambatan-jambatan sedia ada di Sungai Tiram, parit berhampiran kilang MOX dan di Sungai Nibong.

"Laluan jaringan juga akan dilebarkan menjadi tiga laluan bagi membolehkan lori-lori kargo bergerak dari bahagian pulau ke Seberang Perai pada laluan dua hala tanpa had masa.

"Sekaligus, projek ini mampu mengatasi masalah limpahan semasa air pasang di tiga persimpangan iaitu *'Free Industrial Zone 4'*, Lebuhraya Kampung Jawa dan Jalan Kampung Jawa," jelas Hock Seng.

Dalam pada itu, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri menyambut baik dan sokong usaha pelaksanaan projek berkenaan.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung yang juga Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim.

# Pasar Awam Batu Feringghi bakal dibangunkan



**LAKARAN grafik Pasar Awam Batu Feringghi yang bakal dibangunkan.**

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**TANJONG BUNGA -** Para penduduk Batu Feringghi di sini bakal menikmati kemudahan pasar awam berserta kompleks medan selera dan dewan sendiri yang bakal dibangunkan di penghujung Jalan Sungai 1 (belakang sekolah antarabangsa, *Uplands International School)* bermula tahun ini.

Menurut konsultan dilantik Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dari syarikat Arkitek Hafadz Sdn. Bhd., Haris Fadzilah Abd. Rahman, kompleks dua blok tersebut bakal menempatkan sebuah pasar awam, medan selera dan dewan (blok berasingan) yang bakal dibangunkan di tapak berkeluasan hampir dua ekar,

"Bangunan pasar bakal disertakan dengan medan selera sebanyak 24 lot kedai dengan mengadap pemandangan Sungai Emas di sini.

"Selain itu, sebanyak 41 lot kedai akan disediakan bagi jualan barangan basah dan kering," ujarnya pada sesi lawatan ke tapak Pasar Batu Feringghi di Jalan Sungai 1 di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yow, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga, Teh Yee Cheu dan Setiausaha Perbandaran MPPP, Ir. Ang Aing Thye.

Kon Yeow memberitahu, tender terbuka untuk projek berkenaan sudah dibuka dan bakal ditutup pada 4 Mac ini.

"Kita jangkakan kerja-kerja akan dimulakan sebaik sahaja pembida mendapat tender ini dan projek dipercayai mengambil tempoh masa selama setahun," jelas beliau.

Beliau memberitahu, projek berkeluasan 5,200 meter persegi tersebut juga bakal menempatkan kemudahan 85 lot parkir kereta.

"Pembinaan pasar ini merupakan satu lagi tanda kemajuan di sini yang sekaligus memberi kemudahan kepada para penduduk yang selama ini bergantung kepada pasar-pasar tidak tetap serta teratur berlokasi di pekan dan tepi jalan di sini," ujar Kon Yeow.

# PENCAPAIAN EXCO BELIA DAN SUKAN, PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN KOMUNITI, LYDIA ONG KOK FOOI MERANGKAP ADUN BERAPIT (2008 – 2012).



LYDIA Ong Kok Fooi.




KALENDAR *'Penang Participative Sports – Be Amazed'* yang berjaya dihasilkan.



LYDIA Ong Kok Fooi (kiri) bersama YDP MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail penganjuran *5th TPO Forum for Asia Pacific Cities.*

## PENCAPAIAN TERBAIK

**DASAR MMK Belia dan Sukan** ialah mempromosikan konsep '***Healthy and Active Lifestyle Toward Harmonize Community***' (Gaya Sihat dan Hidup Aktif Ke Arah Komuniti Harmoni) melalui penekanan konsep kerjasama pintar (*smart partnership*) bersama NGO-NGO, jabatan-jabatan serta agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat swasta.

Dalam bidang pembangunan sukan, selain daripada memberi tumpuan kepada pembangunan sukan berprestasi tinggi. Penekanan yang seimbang turut diberi untuk menggalakkan pembangunan sukan kepada semua pihak dengan kerjasama erat bersama semua persatuan-persatuan sukan ataupun kelab-kelab sukan berdaftar di negeri Pulau Pinang.

Melalui sukan berbentuk '***Participative Sports***' dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, sebanyak empat buah kalendar '*Penang Participative Sports – Be Amazed*' telah dihasilkan bermula dari tahun 2009 sehingga 2012. Sebanyak 43 acara sukan sepanjang tahun telah dilaksanakan bagi tahun 2010, 2011 (31) dan 2012 (20).

Acara-acara sukan yang dianjurkan di negeri ini juga telah dipromosikan secara meluas bukan sahaja di dalam negeri, malah juga di peringkat antarabangsa iaitu melalui *Tourism Promotion Organization For Asia Pacific Cities* (TPO) kepada seluruh bandaraya di Asia Pasifik. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang juga telah berjaya memenangi ***Anugerah Best Print Advertisement Award*** peringkat antarabangsa dalam tempoh dua tahun berturut-turut.

---

ANTARA kejayaan terbesar yang telah dicapai adalah melalui penganjuran program-program sukan peringkat antarabangsa adalah seperti Kejohanan Angkat Berat Komanwel 2009 yang mana membabitkan penglibatan semua negara Komanwel. Penyertaaan '*3 Nation Charity Rides*' dan '*25th World Chinese Basketball Invitational Tournament*' pada 2009 yang telah berjaya membawa masuk lebih daripada 3,500 pemain dari seluruh dunia di negeri ini.




KEJOHANAN *25th World Chinese Basketball Invitational Tournament* pada tahun 2009.

PADA aspek pemuliharaan alam sekitar, usaha pemuliharaan sungai dan air telah digerakkan melalui pengenalan kepada Efektif Mikroorganisma (EM) melalui penganjuran program-program kesedaran seperti '*1,000,000 Apologies to Save The Mother Earth*' pada 8 Ogos 2010.

DALAM pada itu, program kesukanan yang dibangunkan turut mementingkan ciri-ciri pemeliharaan alam sekitar dengan penerapan konsep '*reducing carbon footprint*' melalui penganjuran aktiviti-aktiviti sihat seperti program-program berbasikal antaranya, *Penang Fellowship Round Island Ride* pada 28 Desember 2008, *Merdeka Ride 2009*, Kayuh Lasak, *KWYP 100 Years Round Island Cycling, Campaign For Bicycle Lane Come Ride with CM* dan *Malakoff Interstate Fellowship Ride* yang merentasi Jambatan Pulau Pinang dan tiga buah negeri iaitu Pulau Pinang, Perak dan Kedah.



SEBAHAGIAN peserta yang menyertai program *1,000,000 Apologies to Save The Mother Earth.*



*MALAKOFF Interstate Fellowship Ride.*

MENERUSI penekanan terhadap pembangunan atlit berlandaskan penggunaan sains sukan yang telah dipraktikkan sepanjang empat tahun ini, pembangunan sukan negeri telah menyaksikan peningkatan jumlah pungutan pingat dan pencapaian kedudukan keseluruhan yang baik bermula dari tahun 2008 sehingga penganjuran Sukan Malaysia ke-15 Pahang 2012.

| Tahun | Acara | Tangga | Pungutan Pingat | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Emas | Perak | Gangsa |
| 2008 | Sukan Malaysia Ke-12 Terengganu | 8 | 27 | 34 | 39 |
| 2010 | Sukan Malaysia Ke-13 Melaka | 10 | 29 | 34 | 39 |
| 2011 | Sukan Malaysia Ke-14 Kuala Lumpur<br>* daripada 16 jenis sukan yang disertai. | 6 | 6 | 10 | 12 |
| 2012 | Sukan Malaysia Ke-15 Pahang | 6 | 32 | 18 | 21 |

Berhubung aspek **PEMBANGUNAN BELIA**, Kerajaan Negeri bekerjasama dengan Majlis Belia Negeri Pulau Pinang dan semua pertubuhan-pertubuhan belia negeri dalam menuju ke arah objektif berkenaan.

Bantuan peruntukan sebanyak RM150,000 setahun pada 2008 telah dinaikkan kepada RM300,000 bermula 2009 hingga 2012 bagi membolehkan pelbagai program dijalankan.

Turut mengambil inisiatif khas dalam membantu Majlis Belia Negeri Pulau Pinang mendapatkan sebuah bangunan sendiri di Kompleks Masyarakat Penyayang setelah tempoh 20 tahun.

Antara program-program belia yang telah dianjurkan adalah Karnival Hari Belia, Kempen Belia Anti Jenayah, Program Khidmat Masyarakat dan Program Motivasi yang menggalakkan pembangunan modal insan, semangat muhibbah dan perpaduan kaum dalam kalangan beliawan dan beliawanis negeri.



PARA belia program Jom Berkenalan Sahabat Kita.

Turut menyediakan platform untuk belia-belia menceburi aktiviti-aktiviti berasaskan hobi seperti penganjuran *I-Dance International Street Dance Championship 2008 - 2010*, pertandingan *Battle of the Bands, Penang X Jam (Extreme Game) 2010 & 2011* dan *Galaxie & Youth Carnival 2009 – 2011* dan lain-lain di bawah Majlis Belia Negeri Pulau Pinang.

Serentak itu, penganjuran pertandingan filem pendek, *Youth Creative Public Service Awareness Short Film Contest 2012* turut diadakan bagi mencungkil bakat-bakat serta idea golongan belia berhubung isu kesedaran awam. Sebanyak 108 filem pendek dari seluruh Malaysia diterima.




SEBAHAGIAN pemenang *Youth Creative Public Service Awareness Short Film Contest 2012.*

Aspek pemerhatian yang ditumpukan untuk memartabatkan golongan beliawan dan beliawanis negeri bagi tahun 2013 :

- Kebanyakan persatuan-persatuan belia yang didokongi barisan pemimpin di bawah 40 tahun masih memerlukan bantuan dan sokongan bagi menjalankan aktiviti berpersatuan secara aktif dan berkesan.
- Hampir 16.8 juta rakyat di Malaysia mengalami masalah obesiti. Jumlah tersebut turut meliputi golongan belia yang berumur lingkungan 15 hingga 40 tahun.
- Belia masa kini perlu diberi kesedaran, dididik dan dibentuk secara berterusan dalam usaha melahirkan golongan yang bertanggungjawab selain menjauhkan mereka daripada gejala-gejala sosial dan tidak bermoral.

Beberapa kategori program telah diwujudkan bagi mencapai objektif serta mendekati ahli-ahli belia di Pulau Pinang, antaranya :

- Pengurusan Persatuan Belia, Pembangunan Belia dan Penyelidikan.
- Penganjuran Sambutan dan Karnival Belia yang menyeluruh.
- Penganjuran Kempen Keselamatan, Kesihatan, Perpaduan dan Kesukarelaan dalam kalangan Belia-Belia Negeri Pulau Pinang.
- Jalinan Kerjasama bersama Persatuan Belia Antarabangsa, Meningkatkan talian perhubungan awam dan Media Baru.
- Membudayakan bidang kesukanan dan kebudayaan untuk semua.
- Pembangunan Wanita dan Respon Belia.
- Pembangunan Usahawan, Kemahiran dan Modal Insan.
- Mendekatkan Belia dengan program-program Keagamaan dan Kerohanian.

Dengan kerjasama bersama dengan Majlis Belia Negeri Pulau Pinang (MBNPP) yang bertindak sebagai sebuah badan induk kepada 23 badan gabungan di bawahnya, pertubuhan terbabit berperanan menyelia dan memandang berat terhadap kebolehupayaan persatuan yang bergabung termasuk persatuan-persatuan belia yang berada di peringkat akar umbi.

MELALUI **MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti**, beberapa dasar dan konsep bagi membela nasib, meningkatkan taraf ekonomi wanita dan mempertahankan kesaksamaan gender di Pulau Pinang telah dilaksanakan.

Walaupun mempunyai kekangan jentera untuk membantu menggerakkan pembangunan wanita, melalui penerapan amalan kerjasama pintar dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO) seperti *Women's Centre for Change* (WCC), Pertubuhan Jaamah Islah Malaysia (JIM), *National Council of Women Organisation* ( NCWO) Cawangan Pulau Pinang, *Young Women's Christian Association* (YWCA) dan lain-lain banyak memberi impak positif dalam membela nasib golongan berkenaan.

Hasil kerjasama yang erat tersebut, sebuah Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW) di Seberang Perai yang bertujuan memberi khidmat nasihat secara kaunseling pada aspek psikologi dan perundangan kepada golongan wanita-wanita serta keluarga yang menghadapi masalah keganasan rumahtangga, gangguan seksual (rumah dan tempat kerja) telah diwujudkan. Sejak Januari 2009 hingga Oktober 2012, sebanyak 2,742 kes kaunseling telah diselenggara WCC.

Dua buah pusat jagaan kanak-kanak juga telah ditubuhkan di kawasan Padang Tembak melalui kerjasama dengan JIM dan Seberang Perai Tengah (SPT), YWCA bagi terus memberi sokongan dan bantuan kepada wanita atau keluarga berpendapatan rendah dan ibu tunggal bekerja.

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti juga telah menubuhkan Persatuan Untuk Tadbir Urus Baik Dan Kesaksamaan Gender Pulau Pinang (3Gs) pada 10 Desember 2009 yang kemudiannya mula beroperasi secara rasmi pada 1 Februari 2010 dengan melantik seorang koordinator pelaksanaan dasar penubuhan.

Sebagai langkah memperkasakan golongan hawa, Kerajaan Negeri melaui 3Gs telah menganjurkan:-

- Persidangan Antarabangsa '*Gender Mainstreaming – Justice For All*' pada 31 Julai hingga 1 Ogos 2010 untuk mewujudkan sebuah *BLUEPRINT* pembangunan wanita kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Persidangan tersebut berjaya mengundang penceramah-penceramah terkenal seperti :-
  -Judy Cheng - Pembantu Setiausaha Agung '*Peace Building Support*' di United Nation.
  -Datuk Latifah Merican - Penasihat kepada Pejabat Pengarah Suruhanjaya Keselamatan Malaysia dan pernah menyandang jawatan tinggi dalam *World Bank* di Washington, Amerika Syarikat.
  -Dr. Khoon Hoon Eng - *National University Singapore* dan pernah berkhidmat sebagai rektor di Asian University untuk Wanita (AUW) di Bangladesh.
  -Dr. Lesley Clark – Pengarah Equity and Diversity di Universiti James Cook
  -Professor Rashidah Shuib – Pengarah KANITA USM



PARA jemputan yang menjayakan penganjuran *Gender Mainstreaming – Justice For All.*

- *2nd Congress of The Asian Association of Women's Studies* pada 9 hingga 11 Disember 2010. Delegasi *Women's Right* dari Singapura, Korea, India dan negara-negara Asia telah menyertai program ini.
- *Gender Responsive Budgeting Workshop In The State Of Penang* pada 21 hingga 23 Februari 2011.
- Pada 19 Mac 2011, program Kempen Rakyat merangkumi 25 NGO telah menganjurkan '*Stop The Crime – Join The Walk*' sebagai usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap usaha membanteras gejala penderaan dan penganiayaan terhadap golongan wanita dan kanak-kanak. Kempen ini berterusan sepanjang tahun melalui program-program *roadshow, talk* dan *workshop*.

Dengan tertubuhnya Pertubuhan Pembangunan Wanita Pulau Pinang atau PWDC pada 3 November 2011 yang mula beroperasi pada 2 Januari 2012, agenda pembangunan wanita, keluarga dan komuniti di bawah MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti kini dapat digerakkan secara menyeluruh bagi menjalankan segala usaha menggubal dasar secara berkesan.

**DUN Berapit**

Menyediakan pelbagai perkhidmatan kemasyarakatan untuk membantu golongan kurang berkemampuan dan memerlukan tanpa sempadan politik, bangsa, kaum dan agama.

Malah, penganjuran Karnival Pesta Tanglung Peringkat Negeri Pulau Pinang juga berjaya mewujudkan identiti sendiri Dewan Undangan Negeri (DUN) Berapit dan Bukit Mertajam.

Sila layari ***http://lydiaong.wordpress.com*** dan ***www.msnpenang.worldpress.com*** untuk laporan-laporan terkini.

# ‘Duduk Bantah’ perjuang hak kerakyatan rakyat

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN -** Satu perhimpunan bagi membela nasib lebih 50 individu yang berhadapan masalah pengenalan diri seperti tiada kad pengenalan, tiada surat beranak dan memegang kad pengenalan merah, ‘Duduk dan Bantah’ anjuran sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) diadakan secara aman di sini baru-baru ini.



**SEBAHAGIAN peserta ‘Duduk dan Bantah’ menunjukkan kad pengenalan merah yang dimiliki mereka di sini baru-baru ini.**

Selain itu, beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) turut sama membela nasib golongan berkenaan pada himpunan bermula di Jalan Larut hingga Bangunan Persekutuan, Jalan Anson di sini.

Menurut ADUN Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin, beliau kesal dengan masalah yang menimpa golongan terbabit sejak sekian lama yang seolah-olah dianak tirikan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

“Mereka ini (golongan terbabit) tidak mempunyai kerakyatan sedangkan lahir dan membesar di sini.

“Apa yang lebih dikesalkan adalah kes di Sabah kini, di mana rakyat Filipina dan Indonesia dipercayai begitu mudah mendapat kerakyatan dan kad pengenalan.

“Maka, hari ini kita akan bersama-sama mereka (golongan terbabit) menuntut keadilan ini,” ujar Tze Tzin pada perhimpunan aman terbabit di sini baru-baru ini.

Salah seorang peserta yang hanya mahu dikenali sebagai Suresh, 37, menyatakan bahawa inisiatif penganjuran perhimpunan tersebut dilihat sedikit sebanyak memberi sinar harapan bagi membela nasib ibunya, K. Sevakangi, 59.

Menurut beliau yang berasal dari Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah (SPT), pihak keluarganya telah berusaha memperoleh bukti dari Balai Polis Slim River bahawa ibunya dilahirkan di sana, namun, usaha bagi memperoleh status kerakyatan sah masih gagal.

“Kalau betul ibu saya pendatang haram, kenapa dari dulu tidak hantar pulang sahaja ke India?,” tegasnya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Bagi P. Tanggammah, 68, dari Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan (SPS), proses permohonan kad pengenalannya telah dibuat sejak tahun 1986 lagi.

“Proses temuduga juga saya sudah lalui beberapa kali.

“Namun, bila permohonan dibuat, alasan mereka (pihak berwajib) kerap kali ialah tidak lengkap. Setiap kali alasan yang sama!” ujar Tanggammah.

Lazimnya, objektif penganjuran perhimpunan berkenaan berbaloi apabila semua terbabit diberikan borang permohonan baru untuk diproses bagi mendapatkan semula ‘hak’ mereka sebagai rakyat Malaysia yang selama ini dinafikan termasuk bagi menjalankan kewajipan sebagai seorang pengundi.

# Pusat Renang Seberang Jaya dibuka kembali - 15 Feb.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA -** Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Soon Lip Chee berkata, Kolam Renang Awam Bandar Seberang Jaya dibuka kembali untuk orang ramai bermula pada 15 Februari lepas.

Justeru, beliau menyeru warga Seberang Perai supaya berlumba-lumba memohon pas tahunan untuk menikmati yuran masuk pada kadar lebih rendah ke pusat itu.

Kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah boleh memohon pas tahunan pada kadar RM15 dan dikenakan caj masuk serendah RM1.50.

Juvana berusia antara 13 tahun hingga 17 tahun boleh memohon pas tahunan pada kadar RM25 dan dikenakan caj masuk serendah RM3.

Manakala, dewasa berusia 18 tahun ke atas boleh memohon pas tahunan pada kadar RM30 dan dikenakan caj yang sama dengan kategori juvana.

Lip Chee bagaimanapun berkata, beliau akan berunding mengenai bayaran memohon pas tahunan serta kadar caj masuk demi memudahkan urusan pengguna.

“Saya akan cuba berbincang dengan majlis (mengenai) kadar memohon pas masuk tahunan disekalikan dengan yuran masuk ke pusat renang ini supaya lebih mesra pengguna.

“Malah, saya juga akan cuba berbincang supaya tiada caj masuk dikenakan kepada kanak-kanak yang datang bersama ibu bapa bagi menggalakkan ‘polisi keluarga harmoni’,” ujar beliau pada sidang media yang diadakan di pusat renang tersebut di sini baru-baru ini.

Juruteknik MPSP, Amir Abdullah dan Musa Din (Penyelia Pusat Renang Awam Bandar Seberang Jaya) turut hadir.



**SOON Lip Chee (depan sekali) bersama Amir Abdullah ‘ menunjukkan demonstrasi renang oleh seorang ‘penyelamat profesional’ di kolam utama Pusat Renang Awam Bandar Seberang Jaya di sini baru-baru ini.**

Sebelum pada itu, beliau berkata, usaha naiktaraf dan baikpulih pusat renang awam tersebut sepatutnya siap pada 15 Januari lepas.

Namun, katanya, MPSP terpaksa menangguhkan pembukaan pusat tersebut semasa itu disebabkan tiada dua penyelamat sepenuh masa untuk memantau keselamatan pengguna.

“Selagi tiada penyelamat, pusat ini tidak boleh dibuka walaupun kerja-kerja baikpulih siap. Sekarang, semuanya dibuka seperti biasa.

“Penyelenggaraan (pusat renang itu) semuanya di bawah MPSP, bukan lagi diurus swasta supaya perkhidmatan ini boleh berterusan dinikmati oleh orang awam,” ujarnya.

Lip Chee memberitahu, pusat renang tersebut sebelum ini beberapa kali ditutup disebabkan pihak pengurusan swasta tidak mahu menanggung kos selenggara.

“Kutipan tahunan kasar bagi tahun 2011 berjumlah RM118,216. Tahun berikutnya (2012), RM161,737. Tak untung, tak rugi. MPSP tak rugi, cukup untuk kos operasi asas,” jelasnya.

# Pameran Muzik Popular platform interaksi dua hala

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Para peminat muzik nostalgia era bermula 1950-an kini berpeluang mendalami seni persembahan tersebut melalui penganjuran kali kedua Pameran Muzik Popular Pulau Pinang era 1940, 1950 dan 1960-an bertempat di Muzium Negeri Pulau Pinang, Jalan Macalister di sini.



**HARYANY Mohamad (kiri) sambil ditemani salah seorang wakil penganjur memerhatikan potrait P. Ramlee bersempena penganjuran Pameran Muzik Popular Pulau Pinang era 1940, 1950 dan 1960-an di sini baru-baru ini.**

Pameran hasil kerjasama Muzium Negeri Pulau Pinang dengan *The Capricon Connection* dan *Think City* tersebut berlangsung bermula 1 Februari lalu hingga 30 April ini dari jam 9 hingga 5 petang. Masuk adalah percuma.

Kurator Muzium Negeri Pulau Pinang, Haryany Mohamad berkata, tujuan utama penganjuran berkenaan adalah bagi mengembalikan nostalgia industri muzik era 1940,1950 dan 1960-an.

“Dengan pendekatan pameran secara langsung ini, sedikit-sebanyak ia dapat mengetengahkan kembali sejarah muzik pada era tersebut,” ujarnya ketika mengumumkan penganjuran tersebut baru-baru ini di sini.

Terdapat 11 bilik pameran disediakan buat para pengunjung antaranya ruang koleksi gambar, barangan peribadi, pertunjukan filem, bengkel dan ceramah.

Tambah Haryany, medium yang digunakan adalah cara terbaik bagi mengembalikan kegemilangan industri muzik era tersebut kepada masyarakat kini membabitkan peringkat umur serta latarbelakang berbeza.

“Pulau Pinang telah melahirkan ramai artis terkenal antaranya Tan Sri P. Ramlee dan kumpulan *Alleycats*,” ujarnya.

Turut diadakan adalah pameran jualan kepada para pengunjung bagi mendapatkan koleksi-koleksi hadiah, kraf, baju-t dan koleksi antik.

Malah, para pengunjung juga berpeluang mencuba dan merakam foto dengan mengenakan pakaian artis era 1940, 1950 dan 1960-an sebagai kenang-kenangan.

# Disentralisasi & ketelusan urus tadbir: dari kaca mata & sejarah Islam

**Definisi**

Sentralisasi dimaksudkan dengan memusatkan keseluruhan kuasa kepada sejumlah kecil pentadbir pada sesuatu struktur organisasi. Manakala disentralisasi atau antonim kepada sentralisasi bermaksud pembahagian kuasa dalam membuat keputusan dan polisi kepada pentadbir atau orang-orang yang berada pada tahap bawah dalam sesuatu struktur organisasi.

**Sejarah**

Ketika Umar al-Khattab menyoal sahabat-sahabatnya tentang sama ada dia telah menunaikan tugasnya dengan baik atau pun tidak dengan melantik hanya mereka yang terbaik serta menasihatkan mereka agar berlaku adil dan bijaksana, mereka mengiakan. Sebaliknya Umar membantah kerana beranggapan pelaksanaan kewajiban dan tanggungjawabnya belum terlaksana jika tiada pemeriksaan dilakukan terhadap apa yang telah ditegaskan dan dinasihatkannya.

Jadi bagi Umar, dengan melantik orang yang terbaik sahaja belum sepenuhnya mencukupi kerana dasar kerajaan, tanggungjawab dan amanah terhadap keseluruhan implementasi dasar-dasar yang dibentuk adalah terpenting.

Oleh sebab itu menjadi amalan kebiasaan bagi Umar untuk meronda pada waktu tengah malam dalam usahanya untuk mengetahui denyut nadi rakyatnya. Ianya bukanlah rondaan semata-mata untuk meraih pandangan rakyat tetapi sebetulnya mendalami akar umbi dan sisi amanah Allah kepadanya sebagai ketua pentadbir atau khalifah. Dengan melakukan hal sedemikian dia berpeluang untuk secara langsung mengetahui sekecil-kecil perkara dalam hal ehwal kebajikan rakyat secara menyeluruh dan satu persatu.

Dan dengan kudratnya sendiri dia berusaha menolongnya tanpa sedikit pun diketahui oleh mereka bahawa dialah Khalifah Umar Al-Khattab, khalifah atau ketua pemerintah pertama yang dilantik selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w.

Corak dan cara dalam dunia politik masa kini telah berubah berbanding masa lalu. Misi dan visi walau bagaimanapun masih kekal sama iaitu mendokong kesaksamaan dan kejayaan kehidupan rakyat dan negara. Namun sejauh mana dunia politik masa kini memiliki kedua-dua ambisi di dunia dan akhirat atau alam seterusnya mengikut kepercayaan masing-masing.

**Dewan Parlimen vs. Dewan Rakyat**

Sungguh besar perhatiannya terhadap kebajikan rakyat sehingga di zamannya sudah diamalkan sistem pentadbiran yang serba teratur. Dengan berdasarkan kepada prinsip 'syura' atau perbincangan, Umar telah membentuk Majlis Tertinggi dan Majlis Umum. Majlis Tertinggi adalah merujuk kepada jawatankuasa kabinet yang terdiri dari tokoh-tokoh besar seperti Usman Affan, Ali bin Abu Talib dan lain-lain. Manakala Majlis Umum pula bersifat terbuka kepada masyarakat dengan masjid dijadikan sebagai pusat perkembangan dan pembangunan rakyat.

**Pengenalan Sistem Disentralisasi**

Untuk melancarkan pentadbiran wilayah, Umar telah mempraktikkan dasar disentralisasi dengan membahagikan kepada lapan wilayah atau kawasan urus tadbir iaitu Makkah, Madinah, Syam, Basrah, Syria, Kufah dan sebagainya yang masing-masingnya memiliki seorang gabenor. Pada setiap wilayah itu dilantik pegawai-pegawai untuk mengetuai jabatan-jabatan tentera dan polis, cukai, kadi dan sebagainya.

Walau bagaimanapun sebelum gabenor-gabenor tersebut dilantik, mereka haruslah mengisytiharkan harta benda masing-masing demi mengelakkan amalan rasuah. Selain itu juga, pada setiap musim haji dikehendaki berada di Makkah untuk mendengar pengaduan rakyat.

Suatu langkah Umar yang nampaknya telah mendahului sejarah ialah apabila beliau menjalankan sistem pentadbiran yang diistilahkan sebagai perundangan moden dipanggil prinsip 'pengasingan kuasa' atau separation of power.

Umar telah berjaya melaksanakannya apabila para kadi diberi kebebasan untuk menjalankan tugas-tugasnya tanpa takut akan kuasa-kuasa politik. Pernah terjadi seorang muslim meminta fatwa atau pendapat dari Hakim Ali bin Abu Talib dan sebaliknya Umar tidak sependapat dengan keputusan yang dikemukakan oleh Ali tersebut.

Namun keindahan dalam ketelusan pentadbirannya, Umar tidak melebihkan agar keputusannyalah yang digunapakai, apa lagi untuk memecat hakim yang bertentangan pendapat dengannya. Kebebasan dan hak bersuara betul-betul diamalkan penuh ketelusan.

Diskusi dan hujah didengari kedua-dua belah pihak bukan sahaja antara pentadbir sesama pentadbir malahan antara pentadbir dengan masyarakat.

Di samping itu juga perlu atau kemestian oleh rakyat dalam mentaati pemimpin. Ianya bukan secara membabi buta atau blind imitation tetapi sewajibnya sentiasa terbuka dan diberi ruang seluas-luasnya untuk membetulkan pemimpin mereka yang tersalah percaturan dalam memimpin. Ruang untuk mengkritik dan dikritik secara membina diamalkan mengikut saluran terbaik.

Natijahnya, tiada wujudnya kaki ampu, perasuah dan sebagainya dalam sistem pentadbiran kerana ketegasan yang dipraktikkan penuh dengan rasa takut kepada Pencipta. Setiap permasalahan yang timbul diadili dan diselesaikan secara berhemah tanpa dipengaruhi oleh sisi kepentingan diri sendiri dalam politik.

**Negara dan Negeri Kebajikan**

Dengan adanya sumber-sumber kewangan contohnya daripada penubuhan Baitulmal dan hasil kutipan cukai di zaman pemerintahannya, Umar melaksanakan program-program sosialnya seperti memberi elaun-elaun khas kepada rakyat.

Dan kepada mereka yang kurang berdaya diberi imbuhan khas dan perlindungan meskipun mereka adalah golongan Yahudi. Dengan wujudnya sistem pembahagian sara hidup tersebut, Umar seolah-olah telah berjaya mengasaskan sebuah negara kebajikan yang diamalkan oleh setengah negara Barat masakini termasuk juga Malaysia dan Pulau Pinang.

Di Pulau Pinang, kerajaan negeri mengamalkan dasar yang sama melalui Agenda Ekonomi Sosial yang menyampaikan bantuan kepada golongan-golongan tertentu seperti warga emas, ibu tunggal, OKU, pelajar-pelajar sekolah, mahasiswa IPTA dan bantuan untuk keluarga-keluarga miskin.

Rujukan: Laman sesawang Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), laman rasmi Prof. Madya Dr. Mohd Asri Zainal Abidin, portal rasmi Kerajaan Pulau Pinang, Wikipedia dan sumber ilmiah lain.

**Che Afandy Che Yusof**
*Penganalisis*



| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PENANTI**<br>YB Dato' Mansor Othman<br>mansor@penang.gov.my | (T) 04 - 522 1463<br>(F) 04 - 522 1463 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 650 5134<br>(F) 04 - 261 8715 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Dato' Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Sim Tze Tzin<br>simtzetzin@penang.gov.my | (T) 019 - 443 2088<br>(F) 04 - 641 3088 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Dato' Tan Hock Leong<br>hltan@penang.gov.my | (T) 04 - 552 1366<br>(F) 04 - 552 1366 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 017 - 472 9990<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **JAWI**<br>YB Tan Beng Huat<br>tanbenghuat2000@yahoo.com | (T)04 - 598 1877<br>(F)04 - 598 1877 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T)04 - 250 1521<br>04 - 2501522<br>(F)04 - 2501523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanaseharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 538 1162<br>(F) 04 - 537 1163 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Ong Khan Lee<br>jason_okl@yahoo.com | (T) 04 - 818 2008<br>(F) 04 - 818 2008 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Ng Wei Aik<br>ngweiaik@penang.gov.my; nweiaik@gmail.com | (T) 04 - 227 0215<br>(F) 04 - 227 8215 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Tan Cheong Heng<br>michael@dappenang.com.my | (T) 04 - 502 5071<br>(F)04 - 508 9711 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 229 2105<br>(F) 04 - 226 2550 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Koay Teng Hai<br>koaytenghai@gmail.com | (T) 04 - 226 3227<br>(F) 04 - 226 3227 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Dato' Hj. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Koid Teng Guan<br>tgkoid@gmail.com | (T)010 - 464 3308<br>(F) 04 - 282 8322 |
| **BATU UBAN**<br>YB Raveentharan a/l Subramaniam<br>dunbatuuban@gmail.com<br>raveenkeadilan@gmail.com | (T) 04 - 659 6007<br>(F) 04 - 658 6007<br>04 - 2628188 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>04 - 227 1397<br>04 - 226 6482<br>(F) 04 - 228 8514 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Dato' Haji Azhar Ibrahim | (T) 04 - 310 3100<br>(F) 04 - 323 8017 |
| **BERTAM**<br>YB Hajah Zabariah Wahab | (T) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Haji Roslan Saidin | |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Haji Shabudin Yahya | (T) 04 - 573 4630<br>(F) 04 -570 1997 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Dato' Haji Jasmin Mohamed | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Dato' Hjh. Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 3675<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Datuk Arif Shah Haji Omar Shah<br>arif@arifshah.com | (T) 04 - 398 0185 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Dato' Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Syed Amerruddin Dato' Syed Ahmad | |
| **PULAU BETONG**<br>YB Sr. Haji Muhamad Farid Saad | |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Dato' Seri Dr. Haji Hilmi Hj Yahya | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Hj Rosidi Bin Hussain<br>albertami@yahoo.com<br>019-4704 800 | (T) 04 - 575 6577<br>(F) 04 - 575 8578 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Bin Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | (T) 013 - 580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | (T) 019-437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Arshad Bin Md Salleh<br>arshad.salleh@yahoo.com | (T) 019 - 510 2633 |
| **SUNGAI DUA**<br>Zahadi Mohd<br>zahadi55@yahoo.com | (T) 019 - 507 3828 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Salehin Mohamed<br>pjd_403@ymail.com | (T) 017- 427 1581 |
| **SEBERANG JAYA**<br>Abdul Jalil Che Ros<br>abjteguh@gmail.com | (T) 04 - 390 5109<br>013 - 489 3227<br>(F) 04 - 538 1460 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Hj Mohd Kamil Bin Abu Bakar<br>hjwanday@yahoo.com | (T) 012 - 4735774<br>(F) 04 - 582 7648 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Asnah Binti Hashim<br>asnah_45@streamyx.com | (T) 019 - 472 6956<br>04 - 6588152 |
| **PULAU BETONG**<br>Hj Mohd Tuah Bin Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | (T) 019 - 570 9500<br>(F) 04 - 866 8618 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hamid@gmail.com | (T) 016-400 6462 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS & AMBULANS | 999 |
| BOMBA | 994 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| PENYELAMAT | 991 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| INFORMASI PENERANGAN | 04-643 0373 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-397 1058 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| PUSAT INFO PELANCONG | 04-261 4461 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERUNDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| JABATAN BURUH | 04-262 5536 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : 019 - 470 4800 | - Rosidi Hussain |
| N2 | Bertam | : 012 - 348 5275 | - Ab. Halim Hamid |
| N3 | Pinang Tunggal | : 019 - 437 2887 | - Muhasdey |
| N4 | Permatang Berangan | : 019 - 510 2633 | - Arshad Md. Salleh |
| N5 | Sungai Dua | : 019 - 507 3828 | - Zahadi Mohd |
| N6 | Telok Air Tawar | : 017 - 427 1581 | - Salehin Mohamed |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 528 8411 | - Ng Ya Ling |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 013 - 489 3227 | - Abdul Jalil Che Ros |
| N11 | Permatang Pasir | : 019 - 412 8442 | - Kamal |
| N12 | Penanti | : 04 - 522 1463 | - Suhaimi Bin Mansor |
| N13 | Berapit | : 019 - 481 7823 | - Ong Kee Seong |
| N14 | Machang Bubuk | : 019 - 546 3257 | - Rynu |
| N15 | Padang Lalang | : 04 - 502 5071 | - Ooi Zhen Chee |
| N16 | Perai | : 012 - 339 3479 | - Pn. Rajaletchumi |
| N17 | Bukit Tengah | : 017 - 467 7668 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784 | - Abdul Halim Yunus |
| N20 | Sungai Bakap | : 012 - 415 2905 | - Munir Bin Makhtar |
| N21 | Sungai Acheh | : 012 - 473 5774 | - Hj M. Kamil A.Bakar |
| N22 | Tanjong Bungah | : 012 - 513 6761 | - Fernie |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Chiam Heng Hock |
| N24 | Kebun Bunga | : 04 - 829 3691 | - Nancy Lim |
| N25 | Pulau Tikus | : 012 - 488 3227 | - Joe |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 437 1522 | - Wang Lai Kin |
| N28 | KOMTAR | : 012 - 412 6284 | - Adreena |
| N29 | Datok Keramat | : 012 - 410 6566 | - A. T. Ong |
| N30 | Sungai Pinang | : 010 - 464 3308 | - Anna |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Ooi Gaik Heoh |
| N32 | Seri Delima | : 012 - 486 2552 | - Mr. Lingam |
| N33 | Air Itam | : 012 - 493 3648 | - Teh Choong Kong |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963 | - Toon Hoon Lee |
| N35 | Batu Uban | : 017 - 541 3017 | - Pamela Shalini |
| | | 014 - 743 4077 | - Akmal Komal |
| N36 | Pantai Jerejak | : 019 - 443 2088 | - Victor |
| N37 | Batu Maung | : 013 - 510 1968 | - Latifah |
| N38 | Bayan Lepas | : 019 - 472 6956 | - Asnah Bt Hashim |
| N39 | Pulau Betong | : 019 - 570 9500 | - Hj Md Tuah Ismail |
| N40 | Telok Bahang | : 016 - 400 6462 | - Halil Sabri |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2011 (1 JAN. 2012 - 31 DIS. 2012)

| Nama | Telefon |
|---|---|
| En. Sim Chee Keong (DAP) stevensim@mpsp.gov.my | 012-590 75 07 |
| En. Teoh Seang Hooi (DAP) shteow@mpsp.gov.my | 019-412 99 96<br>04-594 1231 |
| En. Soon Lip Chee (DAP) lcsoon@mpsp.gov.my | 012-4290 163 |
| En. Visvanathan a/l Kumaran (DAP) visvanathan@mpsp.gov.my | 012-477 6468<br>04-398 3242 (Tel)<br>04-502 1667 (Fax) |
| Cik Tan Xin Ying (DAP) | 016 - 553 1987 |
| En. Mohd Shaipol Bin Ismail (DAP) | 012 - 571 2250 |
| En. Guanalan a/l Sengalaney (DAP) | 013 - 485 3128 |
| En. Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chanderasekeran@mpsp.gov.my | 012-5619870 |
| En. Mohamad Zainudin bin Othman (PKR) mohamadzainudin@mpsp.gov.my | 013-45 47 009 |
| En. Ahmad Farid bin Md. Arshad (PKR) ahmadfarid@mpsp.gov.my | 019-540 9396<br>04-3979796 (Fax) |
| En. Johari bin Kassim (PKR) johari@mpsp.gov.my | 019-449 1450 |
| Abdul Latif bin Abdullah (PKR) abdul_latif@mpsp.gov.my | 019-560 57 55 |
| En. Lim Eng Nam (PKR) peterlim@mpsp.gov.my | 016-411 44 00<br>04-588 0818 (Tel)<br>04-588 0885 (Fax) |
| Puan Kusala Kumari @ Rynu a/p A. Shanmugam (PKR) kusala@mpsp.gov.my | 019-54 63 257 |
| En. Amir bin Md. Ghazali (PKR) amir@mpsp.gov.my | 013-584 8386<br>04 - 521 1987 (Fax) |
| En. Ahmad Kaswan bin Kassim (PAS) ahmadkaswan@mpsp.gov.my | 019- 408 4899 |
| En. Syed Mikael Rizal Aidid (Pelantikan Baru,PKR) | 013-779 0709 |
| Dr. Tiun Ling Ta (NGO) lttiun@mpsp.gov.my | 013-430 2096<br>04-508 0039 (Tel)<br>04-657 0918 (Fax) |
| En. Ahmad Tarmizi Bin Abdullah (NGO) | 013 - 414 4822 |
| En. Loh Joo Huat (DAP) jhloh@mpsp.gov.my | 012-4221133 |
| En. Ong Koon Liak (DAP) klong@mpsp.gov.my | 012-4277868<br>04-530 0363 (Tel)<br>04-538 6950 (Fax) |
| Puan Sarina binti Hashim (PKR) sarina@mpsp.gov.my | 013-50 00 155 |
| En. Md Jamil Bin Abd Rahman PAS) mdjamil@mpsp.gov.my | 019-4490007 |
| Wong Chee Keet (Pelantikan Baru,NGO) | 012-451 1312 |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPPP 2011 (1 JAN. 2012 - 31 DIS. 2012)

| Nama | Telefon |
|---|---|
| Zulkifli bin Mohd. Noor (DAP) | 012 - 483 0878 |
| Harvindar a/l Darshan Singh (DAP) | 012 - 42822 50 |
| Tay Leong Seng (DAP) | 019 - 321 9392 |
| Lim Siew Khim (DAP) | 016 - 531 6026 |
| Lim Cheng Hoe (DAP) | 016 - 438 4809 |
| Tan Hun Wooi (DAP) | 012 - 488 0409 |
| En. Ong Ah Teong (DAP) | 012 - 410 6566 |
| Ooi Keat Hin (PKR) | 016 - 417 1331 |
| Francis a/l Joseph (PKR) | 012 - 474 3321 |
| Cik Ramlah Bee Binti Asiahoo (PKR) | 016 - 422 2142 |
| En. Mohamed Yusoff Bin Mohamed Noor (PAS) | 04 - 657 7464 (Tel)<br>012 - 472 8114 |
| Encik Iszuree Bin Ibrahim (PAS) | 016 - 443 3205<br>019 - 450 7890 |
| Sr. Mohd. Zahry bin Shaikh Abdul Rahim (NGO) | 012 - 472 6725 |
| Encik Teh Lai Heng (DAP) | 016 - 445 9808 |
| Encik Gooi Seong Kin (DAP) | 016 - 457 1271 |
| Encik Prem Anand a/l Loganathan (DAP) | 012 - 412 2558 |
| Encik Tan Seng Keat (PKR) | 012 - 438 6191 |
| Tuan Haji Mohd Rashid Bin Hasnon (PKR) | 019 - 456 0077 |
| Muhammad Sabri Bin Md Osman (PKR) | 013 - 432 0207 |
| Mohd Taufik Bin sulong (PKR) | 012 - 438 0873 |
| Tahir Jalaluddin Bin Hussain (NGO) | 012 - 463 5959 |
| Dr. Lim Mah Hui (NGO) | 012 - 422 1880 |
| Encik Sin Kok Siang (NGO) | 016 - 422 2255 |
| Ng Chek Siang (PKR) perisaihebat@gmail.com | 016 - 470 7089 |


### SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
MOHD. HAFIZ TAJUDIN

**Jurugrafik:**
LOO MEI FERN
IDZHAM AHMAD

sertai kami melalui "***sms blast***",
taip "***ADD ME***" 019 357 9726

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: suaracat@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256


## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Mac 2013

30hb -31hb Mac 2013
***Penang World Music Festival***
Quarry Park, Botanical Garden



## Iklaneka







**Buletin Mutiara boleh diperoleh di :**

- Pejabat-pejabat ADUN
- Pejabat-pejabat Kerajaan Negeri
- Pejabat-pejabat PBA
- Bukit Bendera
- Pasaraya-pasaraya sekitar Pulau Pinang
- Hospital-hospital Kerajaan dan Swasta
- Pejabat-pejabat NGO
- Edaran rumah ke rumah

| Jenis Iklan | Saiz | Kos (sebulan,RM) |
|---|---|---|
| Satu Muka Surat | 25sm(w) x 32sm(h) | 15,000 (*) |
| Separuh Muka Surat (melintang) | 25sm(w) x 16m(h) | 7,500 (*) |
| Separuh Muka Surat (menegak) | 12.5sm(w) x 32m(h) | 7,500 (*) |

**Bagi Maklumat Lanjut, Sila Hubungi :**
**Shawal Ahmad:**
**04 - 650 5550, 04 - 650 5256, 012 - 424 9004**
**shawal@penang.gov.my atau shawal9004@gmail.com**



TIMBALAN Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Datuk Muhammad Yusoff Wazir (dua dari kiri) memusnahkan topi keledar yang tidak mengikut spesifikasi ditetapkan pada Kempen Mengurangkan Kemalangan Sempena Tahun Baru Cina 2013.



EXCO Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi (depan, tiga dari kanan) bersama-sama barisan kepimpinan Pertubuhan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) memotong kek sebagai simbolik Majlis Pelancaran Laman Web pertubuhan terbabit.



SEBAHAGIAN usahawan yang hadir pada Majlis Penyerahan Cek Pinjaman PTSR.

GURU-guru dan para pelajar SRJK (T) Mak Mandin bergambar kenangan bersama-sama Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy sempena sesi lawatan mereka.





KETUA Menteri menunjukkan mesin dialisis yang ditempatkan di Pusat Dialisis CAT Balik Pulau sambil ditemani barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada majlis perasmiannya.





MASYARAKAT berketurunan Cina membuat persiapan sempena sambutan Tahun Baru Cina.



SALAH satu pasukan bergambar kenang-kenangan pada Majlis Perasmian Gelanggang Sukan Serbaguna Sungai Acheh.





SEBAHAGIAN penduduk Flat Rumah Hijau ceria selepas menerima cek membabitkan kes yang telah berlarutan dalam tempoh kira-kira 30 tahun.




























My Penang | My Workplace

Penang CAT Career Assistance and Talent Centre

**www.penangcatcentre.my**

Your Global Gateway to Careers in Penang

investPenang

Tel: 604-250 2170
Fax: 604-250 2171

# Mansor seru mahasiswa, pelajar tolak politik perkauman

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Hampir 650 mahasiswa dan pelajar pra-Universiti dirai dalam satu majlis jamuan makan malam bersama-sama Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman di sini baru-baru ini.

Keraian itu adalah kesinambungan pada Majlis Jamuan Pemimpin Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bersama Mahasiswa Di Perantauan yang dilangsungkan secara berasingan di Sabah dan Sarawak pada tahun lepas.

Semasa menyampaikan ucapan perasmian, Mansor berkata, mahasiswa wajar memanfaatkan zaman keemasan di kampus bagi mengejar kecemerlangan akademik serta bergiat dalam memperjuangkan nasib rakyat.

"Sungguhpun zaman telah pun berubah, tetapi, mahasiswa seharusnya fokus pada kecemerlangan akademik dan mencipta pergerakan tersendiri untuk membela hak rakyat.

"Timba pengalaman sebanyak yang boleh dengan menyertai program-program yang dianjurkan Kerajaan Negeri.

"Pada musim cuti semester, balik kampung untuk beri kesedaran kepada rakyat khususnya kepada anak muda untuk mencipta politik baru (iaitu) menolak politik perkauman yang dimainkan oleh parti-parti politik tertentu di negeri ini," ujar beliau di pada Majlis Makan Malam Mahasiswa Pulau Pinang 2013 di sini baru-baru ini.

Program interaksi anjuran Majlis Perundingan Mahasiswa Pulau Pinang (MPMPP) itu turut dihadiri Jawatankuasa Tetap Pembangunan Mahasiswa.

Mansor yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti berkata, Kerajaan Negeri tidak akan mengambil langkah membendung gerakan mahasiswa sebagaimana yang dilakukan pihak-pihak tertentu.



**SEBAHAGIAN mahasiswa yang hadir pada Majlis Makan Malam Mahasiswa Pulau Pinang 2013 di sini baru-baru ini.**

Ini kerana, katanya, Kerajaan Negeri percaya bahawa iklim demokrasi dan integriti tulen di Pulau Pinang membantu perkembangan intelektual dan idealisme mahasiswa.

Justeru, beliau berkata, mahasiswa serta muda-mudi sewajarnya menggandakan sokongan kepada Kerajaan Negeri yang sedia ada demi menyemarak lagi politik baru di negeri berkenaan.

"Jangan persia-siakan zaman keemasan (mahasiswa) ini. Pastikan setiap detik dalam diri bermakna untuk ilmu dan perjuangan rakyat.

"Saya yakin mahasiswa bersama Kerajaan Negeri untuk mewujudkan poltik baru yang lebih memberi ruang untuk semua pihak berfikir secara kritikal serta menghormati demokrasi tulen di negeri ini," ujar beliau.

Terdahulu, difahamkan, Mansor turut mengadakan beberapa interaksi dua hala bersama-sama mahasiswa luar negara di Medan, Jakarta dan Mesir.


## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 11305
Peminjam : NUR SHAFINI BINTI HAMID - 870227355340
9662 PADANG MENORA
13310 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : HAMID BIN HASHIM - 550407075167
NO.9662 PADANG MENORA
13310 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 2 : ROSNIRA BINTI REDZUAN - 860112025318
B-03-06 PANGSAPURI PAUH DAMAI
13500 PERMATANG PAUH, SPT

No Akaun : 11310
Peminjam : GUNASILAN A/L RAJA MANICKAM - 851216265039
127 TINGKAT SERINDIT 5, TAMAN DESA JAWI, SUNGAI JAWI 14200 SUNGAI BAKAP
Penjamin 1 : SIVA SANGKARI A/P RAJA MANICKAM - 820714025896
127 TINGKAT SERINDIT 5, TMN DESA JAWI
14200 SUNGAI JAWI, SUNGAI BAKAP, SPS
Penjamin 2 : ELAVEYNI A/P SOMASUNDRAM - 610821755012
BLOK D TKT 2, NO.10 RUMAH PANGSA TAMAN DESA JAWI, 14200 SUNGAI JAWI, SPS

No Akaun : 11314
Peminjam : MAZIDAH BT JAMALUDIN - 871229355138
NO. 4 SOLOK NIPAH 3, TAMAN HJ MOHD AMIN
13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : JAMALUDIN BIN ABD HAMID - 500227075455
4 SOLOK NIPAH 3, TMN HAJI MOHD AMIN,
KG PERTAMA 13500 PERMATANG PAUH, SPT
Penjamin 2 : AHMAD KAMIL BIN JAMALUDIN - 750906075037
4 SOLOK NIPAH 3, TMN HAJI MOHD AMIN,
KG PERTAMA 13500 PERMATANG PAUH, SPT.,

No Akaun : 11317
Peminjam : RADZQUSYAIRI BIN ABDUL RAZAK - 871221075297
F-G-4 MELATI APARTMENT, LEBUH BUKIT KECIL 3, 11900 BAYAN LEPAS
Penjamin 1 : RADZMAN BIN ABDUL RAZAK - 670111115787
6-10-1 LINTANG KG MASJID 1, TMN KUMBAR PERMAI, 11020 TELUK KUMBAR,
PULAU PINANG,
Penjamin 2 : RADZUAN BIN ABDUL RAZAK - 690616075109
2D-08-02 PANGSAPURI BAYAN PERMAI
11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG,

No Akaun : 11321
Peminjam : MOHD RAFIZAL BIN RAZALI - 791022075075
573 MK E TITI TERAS 11000 BALIK PULAU,
PULAU PINANG
Penjamin 1 : RAZALI BIN IDRIS - 421111075183
NO.573 MUKIM E, TITI TERAS
11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD RUNZI BIN RAZALI - 681110075449
SEBELAH 334 MUKIM E, TITI TERAS,
11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 11322
Peminjam : LIM HENG TEE - 841101075113
8-Q SOLOK SUNGAI PINANG
11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : LIM HENG CHOONG - 810412075557
NO.8-Q SOLOK SUNGAI PINANG
11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LEE CHEE KEONG - 841208075439
1-1-4 HALAMAN BAKAU,
11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG

No Akaun : 11345
Peminjam : MOHAMED ASYRAF BIN MAHBOOB ALI - 900413075945
100 JALAN MASJID KAPITAN KELING
10200 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMED ZAKI BIN MAHBOOB ALI - 850917075639
100 JALAN MASJID KAPITAN KELING
10200 PULAU PINANG.
Penjamin 2 : AISHA BEE BINTI Y M AHMAD VARUSAI - 591218075716
100 JALAN MASJID KAPITAN KELING
10200 PULAU PINANG.

No Akaun : 11372
Peminjam : NORONSALHA BT OUNNAJMI - 850107075282
NO. 27 LORONG PAYA KELADI 3,
TAMAN PAYA KELADI 13200 KEPALA BATAS
Penjamin 1 : MOHD ADIB BIN ABDUL WAHAB - 840529075451
NO.446 PERMATANG SIREH
13200 KEPALA BATAS
Penjamin 2 : RESIDIN BIN OUNNAJMI - 830124045159
NO.27 LORONG PAYA KELADI 3,
TAMAN PAYA KELADI 13200 KEPALA BATAS

No Akaun : 11377
Peminjam : NURUL SYUHAIDA BT MD SHARIF - 890413075076
1239 JALAN SENTOSA
14200 SUNGAI BAKAP, SPS
Penjamin 1 : AHMAD TARMIZI BIN MD SHARIF - 850109075657
NO.1239 JALAN SENTOSA
14200 SUNGAI BAKAP
Penjamin 2 : SALEHUDDIN BIN BASRI - 850225085449
TS 1578 SUNGAI UDANG 14310 NIBONG TEBAL

No Akaun : 11384
Peminjam : NOR HAPISHAH BINTI ABDULLAH - 850726075302
NO. 2 LORONG TANJUNG 4, TAMAN BERTAM INDAH, 13200 KEPALA BATAS,
Penjamin 1 : NOR HASNIZA BINTI ABDULLAH - 820729075132
302 BLOK M APARTMENT SAUJANA, JLN PJU/1C, DAMANSARA DAMAI, SUNGAI BULUH 47830 PETALING JAYA, SELANGOR
Penjamin 2 : MOHAMAD FAIZAL BIN ABDULLAH - 840408075113
NO.2 LORONG TANJUNG 4, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11391
Peminjam : AHMAD MUZAID BIN ISMAIL - 870424075057
148 MUKIM 7, PULAU BETONG,
BALIK PULAU 11020 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AHMAD NAUFAL BIN ISMAIL - 841105076033
148 MUKIM 7, PULAU BETONG
11020 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : HUSMI NORHAFIZA BINTI HUSIN - 850505075210
148 MUKIM 7, PULAU BETONG
11020 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 11392
Peminjam : ASRUL KHAIRI BIN SOHAIMI - 900807075737
48 TINGKAT BUKIT MINYAK 5, TAMAN BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SOHAIMI BIN MD SAID - I/19060
48 TINGKAT BUKIT MINYAK 5, TAMAN BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM, SPT.
Penjamin 2 : ISMAIL BIN AHMAD@MD SAID - 650105025381
F 163-A FELDA LEPANG NENERING,
33100 PENGKALAN HULU, PERAK.

No Akaun : 11407
Peminjam : MUHAMMAD HASRUL BIN MD KASSIM - 851003075629
NO.1086 RUMAH MURAH PENAGA, 13110 PENAGA
Penjamin 1 : HISHAM BIN MD KASSIM - 720506085551
NO.43 LORONG 8, TAMAN PENAGA 13100 PENAGA,
SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : KHAIRIL BIN MD KASSIM - 700823075319
NO.4 LORONG 5, TAMAN KUALA MUDA
13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 11413
Peminjam : OOI HOOI MAY - 911104075136
2-05-05 LINTANG MADRASAH, SERI JELUTONG,
11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : TEOH CHAI LEE - 650629025008
NO.60-16-08 JALAN SLIM, 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2 : LEE PHAIK LAY - 590925075374
2-05-05 LINTANG MADRASAH, SERI JELUTONG
11600 PULAU PINANG

No Akaun : 11158
Peminjam : NUR HAFIZAH BINTI IBRAHIM - 870425075016
NO. 2169 LORONG SERAI WANGI, TAMAN SERAI WANGI FASA 2,
09400 PADANG SERAI, KEDAH
Penjamin 1 : FUAT BIN ARIFIN - 570922086643
NO.9503 KUALA MUDA 13100 PENAGA, SEB PERAI UTARA
Penjamin 2 : CHE RUSS BIN HASAN - 550505075179
5NO.1010 BAKAR KAPOR 13100 PENAGA, SEB PERAI UTARA

# Usahasama diperluas hasil lawatan rasmi

**GEORGE TOWN –** Bagi membuka peluang kepada pelajar-pelajar tempatan khususnya di Pulau Pinang mencari peluang melanjutkan pelajaran ke luar negara, Pameran Pendidikan Kanada kali keempat telah diadakan di sebuah hotel terkemuka baru-baru ini di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kanada kini merupakan rakan kongsi aktif dalam Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) yang mana merupakan perjanjian perdagangan pelbagai hala yang penting.

"Banyak perubahan telah berlaku sejak November 2011 apabila Gabenor Kanada, David Johnson mengadakan lawatan ke Pulau Pinang.

"Lazimnya, lawatan beliau telah membawa peluang kepada pembangunan ekonomi melalui pelaburan di dalam bidang pendidikan dan perdagangan antara dua pihak," ujarnya ketika merasmikan Pameran Pendidikan Kanada baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Malaysia, Douglas Bingeman.

Turut didatangkan khas bersempena penganjuran tersebut adalah pensampelan 11 kolej universiti dari Kanada.

Tambah Guan Eng, pada tahun 2011, seramai 592 pelajar Malaysia telah melanjutkan pelajaran di Kanada. Jumlah tersebut telah berkembang sebanyak 85 peratus sejak tahun 2002.

"Ini adalah ekoran faktor tarikan seperti yuran pembelajaran tahunan universiti yang rendah, pendidikan berkualiti dan kos sara hidup rendah," ujarnya.

Beliau memberitahu, adalah dianggarkan bahawa terdapat lebih daripada 75,000 rakyat Malaysia telah dididik di Kanada.

"Akademik adalah cara paling baik dan cemerlang untuk mengukuhkan hubungan rakyat antara dua negara yang meliputi pertukaran pelajar, kerjasama pendidikan dan lain-lain," nyata Guan Eng.



**DOUGLAS Bingeman ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Perasmian Pameran Pendidikan Kanada baru-baru ini di sini.**

## Dialog bakal wujudkan persekitaran perniagaan kondusif

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Bagi menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif dan mesra untuk semua pihak di Taman Perindustrian Batu Kawan dan Taman Sains Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui *InvestPenang* (iP) telah menganjurkan satu Majlis Dialog Bersama-sama Syarikat Baru Bertapak Di Taman Perindustrian Batu Kawan dan Taman Sains Pulau Pinang di sini baru-baru ini..



**KETUA Menteri ketika berucap pada Majlis Perasmian Dialog Bersama-sama Syarikat Baru Bertapak Di Taman Perindustrian Batu Kawan dan Taman Sains Pulau Pinang baru-baru ini di sini.**

Dialog tersebut dianjurkan khas sebagai ruang maklum balas agar Kerajaan Negeri dapat membina kemudahan yang lebih baik bagi memperbaiki sistem penyampaian kepada masyarakat perindustrian di Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir merasmikan dialog tersebut berkata, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengiktiraf kepentingan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kerana ia adalah tulang belakang kepada ekonomi negeri.

"Dengan mengambilkira kepentingan PKS dalam ekonomi Pulau Pinang serta dalam menjana peluang, pendekatan tiga serampang digunakan untuk membantu melahirkan serta membangunkan PKS tempatan bagi bersaing di peringkat serantau dan global.

"Pusat PKS Pulau Pinang adalah dalam proses fasa kedua pendekatan tiga serampang kini. Mereka (PKS) perlu mempunyai premis yang sesuai untuk memulakan perniagaan serta mengamalkan sistem mentor bagi membolehkannya menembusi pasaran.

"Manakala, pendekatan ketiga ialah membangun dan menubuhkan PKS kampung-kampung, terutamanya di Taman Perindustrian Bukit Minyak, Taman Sains Pulau Pinang dan Taman Perindustrian Batu Kawan," ucapnya pada Majlis Perasmian Dialog Bersama-sama Syarikat Baru Bertapak Di Taman Perindustrian Batu Kawan dan Taman Sains Pulau Pinang baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Pengurus Besar iP, Loo Lee Lian dan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar.

Pada September 2012, Pusat PKS di Bayan Lepas telah dibuka secara rasmi untuk disewakan kepada PKS tempatan.

Melalui iP, ia telah memudahkan PKS menganjurkan pelbagai aktiviti seperti bengkel pembinaan kapasiti, sesi pemadanan perniagaan, membangunkan direktori dalam talian dan menyediakan pusat risikan (SMART) yang berfungsi sebagai pusat sehenti untuk keperluan PKS tempatan.

Tambah Guan Eng, buat masa ini, seramai 30 syarikat telah mengesahkan untuk menyertai *The Village PKS* yang terletak di Taman Sains Pulau Pinang dengan nilai pelaburan berjumlah kira-kira RM250 juta yang mampu menjana kira-kira 2,075 pekerjaan.

"Di samping itu, sebanyak 150 ekar turut diperuntukkan untuk PKS di kampung IKS Batu Kawan.

"Pada fasa satu, sebanyak 29 PKS tempatan telah memperuntukkan jumlah pelaburan kira-kira RM196 juta. Ini adalah tambahan kepada syarikat-syarikat asing (FDI) yang telah mengesahkan kehadiran mereka seperti *Honda*, *Ibiden*, *VAT, MAL* dan *Bose*," jelasnya.

Beliau memberitahu, harga yang diberikan kepada PKS dalam *The Village PKS* di Batu Kawan adalah pada kadar subsidi 10 peratus.

"Justeru, kampung PKS di Taman Perindustrian Batu Kawan dan Taman Sains Pulau Pinang menghasilkan kira-kira nilai pelaburan berjumlah hampir RM450 juta dan 4,100 pekerjaan kesemuanya," ujar Guan Eng.

## PDC Telecomunication hargai kakitangan, syarikat usahasama

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PANTAI JEREJAK** – Sebanyak empat anugerah berprestij disumbangkan sebagai penghargaan kepada individu dan pihak syarikat bersempena penganjuran 1st Annual Appreciation Dinner 2012 Penang Development Corporation Telecommunication Services Sdn. Bhd. (PDC Telecomunication) di sini baru- baru ini.


**(Dari kiri), PENGARAH Urusan Sri Tanjong Bina Sdn. Bhd., Ong Kim Kang, Ir. Addnan Mohd. Razali dan Pengarah Projek TIME.com Bhd., R. Loganathan bergambar kenangan bersama-sama anugerah dimenangi masing-masing.**

Anugerah tersebut adalah Anugerah Pekerja Terbaik yang disandang Pengarah Bahagian Kejuruteraan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ir. Addnan Mohd. Razali; Anugerah Kontraktor Terbaik, Sri Tanjong Bina Sdn. Bhd.; Agensi Kerajaan Terbaik, MPPP dan Operator Telco Terbaik, TIME.com Bhd..

Kesemua anugerah tersebut disampaikan sendiri oleh Pengerusi PDC Telecomunications, Jeff Ooi Chuan Aun.

Katanya, matlamat PDC Telecomunications dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai hab komunikasi penting tidak akan tercapai tanpa sokongan daripada pihak kerajaan dan syarikat-syarikat telekomunikasi.

Beliau memberitahu, dari tempoh Mac 2012 hingga Disember 2012, semua 147 permohonan kerja menaiktaraf sistem komunikasi telah diluluskan.

"Selain itu, tempoh 42 hari yang disasarkan pihak MPPP untuk bekerjasama dengan operator-operator telekomunikasi dalam menaiktaraf perkhidmatan terbabit di negeri ini juga telah berjaya," ucapnya pada majlis 1st Annual Appreciation Dinner 2012 PDC Telecomunication di sini baru- baru ini.

Penganjuran tersebut dimeriahkan dengan kehadiran 500 tetamu termasuk wakil-wakil dari syarikat-syarikat telekomunikasi seperti *Maxis, Digi, Celcom, Time.com* dan lain-lain lagi.

Acara cabutan bertuah turut diadakan pada penghujung majlis dengan tawaran hadiah utama televisyen LED pelbagai saiz.

# MPSP, penduduk gotong-royong cegah denggi

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**BUKIT MERTAJAM** – Ekoran laporan kes demam denggi di Taman Kota Permai baru-baru ini, Jawatankuasa Rukun Tetangga penduduk dengan kerjasama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah menjalankan aktiviti gotong-royong di sini.

Menurut Pengerusi Rukun Tetangga taman berkenaan, Yap Kin Choi, pelaksanaan gotong-royong itu adalah atas nasihat dikeluarkan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) selepas berlakunya beberapa laporan kes demam denggi melibatkan penduduk taman berkenaan.

Dalam pada itu, Ahli Majlis MPSP yang mewakili MPSP, Steven Sim Chee Keong berkata, menurut laporan JKN, dalam masa seminggu bermula 7 hingga 15 Februari lalu, seramai lapan penduduk di taman tersebut telah dimasukkan ke hospital kerana disyaki mengidap deman denggi, lima daripadanya didapati positif.

“Ekoran itu, JKN sudah melakukan tinjauan dan aktiviti *fogging* pada 14 Februari lalu.

“Kita juga telah mengarahkan Jabatan Kesihatan MPSP untuk melakukan semburan racun jentik-jentik ke dalam longkang di sekitar taman. Malah, MPSP juga telah turun padang bersama JKN untuk melakukan *fogging* kedua pada 17 Februari lalu,” katanya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Setiausaha Jawatankuasa Rukun Tetangga Taman Kota Permai, Bernard Cheen menyeru orang ramai khususnya penduduk sekitar untuk menjaga kebersihan kawasan persekitaran bagi menggelakkan wabak penyakit daripada terus merebak.



PARA penduduk Taman Kota Permai dan kakitangan MPSP bertungkus-lumus membersihkan kawasan sekitar dalam aktiviti gotong-royong cegah denggi yang dianjurkan khas di sini baru-baru ini.



SOON Lip Chee.

# Sumbang buku terpakai untuk sekolah perlu

**BUTTERWORTH** – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) terus komited menjalankan usaha mendidik masyarakat menggunakan semula barang terpakai.

Terbaru, MPSP telah melaksanakan program pengumpulan buku-buku sekolah yang tidak lagi digunakan untuk diserahkan kepada sekolah-sekolah memerlukan di bawah program *Local Action 21* (LA21).

Ahli Majlis MPSP, Soon Lip Chee berkata, kebiasaannya, mereka yang telah tamat persekolahan yang tidak lagi menggunakan buku-buku teks, rujukan dan bacaan masing-masing mengambil langkah mudah dengan membuang ia tanpa menyedari bahawa masih ada pihak yang memerlukan bahan-bahan bacaan berkenaan.

“Justeru, adalah sangat penting buku-buku itu dikumpul untuk pembangunan generasi akan datang,” katanya di Pusat Sumber Alam Sekitar Seberang Perai Utara (SPU) di sini baru-baru ini.

Menurut Lip Chee, buku-buku lama yang diperoleh terlebih dahulu dikumpul di pusat sumber alam sekitar sebelum disumbangkan kepada sekolah-sekolah memerlukan terutama di kawasan luar bandar.

“Kita memberi fokus kepada sekolah luar bandar kerana mendapati pusat-pusat sumber di sekolah terbabit adalah kekurangan bahan bacaan dan fasiliti seperti buku-buku rujukan, rak-rak buku serta peralatan dalam pusat sumber.

“Sekiranya bahan yang disediakan tidak mencukupi, maka pusat sumber alam sekitar ini akan bekerjasama dengan MPSP dan para sukarelawan untuk membantu memenuhi keperluan diperlukan,” kata Lip Chee.

Baru-baru ini, sebanyak 40 buah Kamus Dewan yang dikumpul telah diserahkan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Chin Hwa, Pinang Tunggal, SPU di sini.

Kepada mereka yang ingin menyumbang, sila disalurkan ke Pusat Sumber Alam Sekitar SPU, Taman Bagan Lalang, Butterworth atau hubungi Ang Hock Lim di talian 019 - 475 4248 untuk maklumat lanjut.







# Negeri tuan rumah 2 kejohanan angkat berat dunia

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang diberi penghormatan bagi menjadi tuan rumah kepada dua kejohanan angkat berat bertaraf dunia yang bakal menarik penyertaan lebih 80 negara tahun ini.

Kejohanan tersebut adalah Kejohanan Angkat Berat Komanwel 2013 dan *Masters World Cup Championships*.

Presiden Angkat Berat Kebangsaan, Datuk Ong Poh Eng berkata, Malaysia dipilih dan Pulau Pinang telah diberi penghormatan sebagai negeri tuan rumah penganjuran dua kejohanan tersebut yang bakal berlangsung pada 24 hingga 30 Novomber ini untuk Kejohanan Angkat Berat Komanwel 2013.

"Manakala bagi penganjuran *Masters World Cup Championships* yang belum diumumkan tarikh penganjurannya turut mencatat sejarah tersendiri apabila buat julung kalinya ia dianjurkan di negara dan negeri ini," katanya pada satu sidang media bagi mengumumkan perkara tersebut di Komtar baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi dan Setiausaha Agung Komanwel Angkat Berat Persekutuan dan Angkat Berat Persekutuan Oceania, Paul Coffa.

Kata Poh Eng, berdasarkan rekod, Pulau Pinang telah berjaya menganjurkan beberapa kejohanan angkat berat peringkat dunia sejak beberapa tahun yang lalu.

"Oleh demikian, *Commonwealth Weightlifting Federation* (CWF) mempunyai keyakinan penuh dengan keupayaan Pulau Pinang bagi mengendalikan dua kejohanan dunia ini," ujarnya.



**LYDIA Ong Kok Fooi (tengah) bergambar kenangan bersama-sama Ong Poh Eng (empat dari kanan) dan Paul Coffa (tiga dari kiri) selepas selesai sidang media di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Kok Fooi berkata, kejohanan tersebut adalah sebagai titik tolak, persediaan dan ujian untuk atlit-atlit berentap di Sukan Komanwel (Glasgow), Scotland pada Julai 2014 nanti.

"Malah, kejohanan ini juga bakal membantu meningkatkan lagi sektor sukan pelancongan di negeri Pulau Pinang," ujarnya.

Kejohanan Angkat Berat Komanwel 2013 bakal menyaksikan tiga peringkat penyertaan iaitu belia (13 hingga 17 tahun), junior (17 hingga 21 tahun) dan senior (21 hingga 90 tahun).

# Laman web PWDC dilancar

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) baru-baru ini melancarkan laman web pertubuhan terbabit, *www.pwdc.org.my* bagi menyalurkan maklumat berkenaan gender dan pembangunan wanita kepada masyarakat sekaligus membolehkan orang ramai mengetahui program-program yang bakal dan telah dilaksanakan.



**LYDIA Ong Kok Fooi (depan, kiri sekali) menunjukkan paparan laman web PWDC yang dilancarkan di sini baru-baru ini.**

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti merangkap Pengerusi PWDC, Lydia Ong Kok Fooi berkata, PWDC sebagai sebuah agensi Kerajaan Negeri yang progresif dan peka tentang perkembangan semasa masyarakat juga tidak ketinggalan dalam memaksimakan peluang serta momentum ditawarkan teknologi terkini.

"Kita (PWDC) tidak akan ketinggalan dengan kemajuan teknologi maklumat serta komunikasi untuk menyebarkan maklumat tentang program-program kami dalam meningkatkan kesedaran awam tentang objektif dan peranan dalam menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang seimbang serta adil.

"Oleh itu, PWDC sentiasa berusaha untuk menggunakan kepelbagaian cara untuk berkomunikasi dengan kaum wanita di Pulau Pinang bagi memastikan penyertaan wanita secara menyeluruh dan inklusif," ujarnya semasa Majlis Pelancaran Laman Web PWDC baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Ketua Pengarah Eksekutif PWDC, Sri Husnaini Sofjan dan Konsultan PWDC, James Lochhead.

Tambah Kok Fooi, laman web dan internet adalah cara yang penting untuk memberi manfaat dan memperkasakan individu dari kemajuan sosio-ekonomi.

"Meskipun, laman web adalah cara yang penting kini, namun, kami (PWDC) masih menggunakan cara asas seperti banting, risalah, hebahan lisan untuk menyebarkan maklumat terutamanya di kawasan luar bandar.

"Inisiatif ini adalah penting supaya tidak ada wanita yang tertinggal atau terlepas peluang atas alasan mereka tiada akses internet,'' jelasnya sambil menyatakan harapan agar suatu hari kelak jurang digital gender dapat diatasi sama sekali dan kaum wanita dapat menikmati segala manfaat teknologi secara saksama dengan kaum lelaki.

Para pelayar laman web juga boleh melayari laman web projek perdana PWDC, *Budget Responsif Gender* (GRB) melalui pautan terus di alamat *www.grb-pwdc.org.my*.

PWDC adalah sebuah agensi Kerajaan Negeri yang ditubuhkan bagi menjalankan usaha menggubal dasar dan melaksanakan advokasi bagi mengarusperdanakan gender demi merealisasikan kesaksamaan gender serta keadilan sosial.


**PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG**

**PERMINTAAN UNTUK CADANGAN**

Tawaran ini dibuka kepada Penaja Projek yang terdiri daripada syarikat tempatan untuk menyertai Permintaan untuk Cadangan *(Request For Proposal - RFP)* seperti berikut:-

| | | |
|---|---|---|
| TAJUK | : | **CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN TANAH KERAJAAN NEGERI PT 330, SANDILAND FORESHORE, JALAN C.Y. CHOY, SEKSYEN 11E, BANDAR GEORGE TOWN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG** |
| TARIKH DIBUKA | : | **15 JANUARI 2013 (SELASA)** |
| TARIKH DITUTUP | : | **15 MAC 2013 (JUMAAT)** |

Penaja Projek **DIKEHENDAKI** menghadiri sesi taklimat / lawatan tapak yang akan diadakan seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH | : | **31 JANUARI 2013 (KHAMIS)** |
| JAM | : | **10.00 PAGI** |
| TEMPAT | : | **PT 330, SANDILAND FORESHORE, JALAN C.Y. CHOY, SEKSYEN 11E, BANDAR GEORGE TOWN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG** |

Dokumen RFP tersebut boleh dimuat turun melalui Laman Sesawang Kerajaan Negeri Pulau Pinang di **http://www.penang.gov.my/** dan Sistem ePerolehan Negeri Pulau Pinang **http://ep.penang.gov.my/ mulai 15 Januari 2013.**

Cadangan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bertutup yang ditulis di bahagian sudut atas kanan **Pengurusan Tanah Kerajaan Negeri PT 330, Sandiland Foreshore, Jalan C.Y. Choy, Seksyen 11E, Bandar George Town, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.** Cadangan lengkap tersebut hendaklah dihantar sebelum 1**2.00 tengah** hari pada **15 Mac 2013** kepada :

**Sekretariat,**
**Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI),**
**Tingkat 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang, Malaysia.**

Cadangan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tertinggi.

# Pulau Pinang Cakna Kebajikan Rakyat

**MENCATAT sejarah menjadi negeri pertama di Malaysia yang menghapuskan masalah miskin tegar pada 2009 dan menjadi negeri pertama menghapuskan kemiskinan menjelang 2013 dengan menjaminkan pendapatan bulanan setiap keluarga sebanyak RM 770. Mana-mana keluarga yang kurang, Kerajaan Negeri akan tambah bayaran wang sehingga cukup RM770 tiap-tiap bulan.**

**Kerajaan Negeri PR Pulau Pinang telah belanjakan RM100 juta dalam 5 tahun ini untuk menjalankan program-program kebajikan berikut :-**

**RM100** setiap tahun kepada :

- Warga Emas
- OKU
- PELAJAR EMAS (Tahun 1 & 4, Tingkatan 1 & 4)
- Ibu Tunggal



Bantuan Sekolah Agama Rakyat Setiap Tahun

| Program | Bentuk Bayaran (RM) |
|---|---|
| Bantuan bencana dalam tempoh 24 jam. | RM500 - RM5,000. |
| Lesen penjaja & nelayan. | diskaun 50% setahun. |
| Bantuan air kepada rumah ibadat. | rebat RM5 bagi bil penggunaan kurang RM50 ; rebat RM10 bagi bil mencecah RM50 ke atas. |
| Mikrokredit (PTSR). | maksimum RM8,000. |
| Pembinaan pusat dialisis CAT di Balik Pulau. | RM30 setiap rawatan yang paling rendah di Malaysia kepada golongan miskin. |

*"One-off"*

**RM1,000**
Urusan Jenazah

**RM1,000**
IPTA Emas

**RM200**
Anak Emas







**Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat & Sihat**

# PSSGMPP bina jati diri bangsa, agama - Addi Putera

**TUBUHNYA** sasa. Orangnya mesra.

Pernah menjadi anak murid kepada pengasas Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia (PSSGM), Mahaguru Datuk Mior Abdul Rahman Daeng Uda Md. Lazim, seorang pendekar Melayu yang dikatakan pernah menewaskan jaguh kungfu dunia, Bruce Lee.

Belajar silat daripada ayah seusia lima tahun, kini, Addi Putera Ya'akop, 35, sedar tidak sedar sudah bergelumang dalam dunia seni bela diri Melayu hampir 30 tahun.

Pertama kali bersua, Addi mahu dipanggil 'abang'. Kata beliau, panggilan itu menjalin persahabatan sesama anak bangsa, se-Islam.

"Di gelanggang, murid panggil 'Cikgu'. Di luar gelanggang, 'abang'.

"Masa belajar daripada arwah Cikgu Ya'akob (ayah) dulu, agak 'ganas', lasak serta disiplin yang tinggi supaya dapat mewarisi seni asli daripada guru nanti," ujar Addi dalam wawancara bersama-sama wartawan akhbar Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** baru-baru ini.

Dalam usia yang agak muda, bakat serta iltizamnya untuk meninggikan seni persilatan Melayu melayakkan beliau ditaklifkan menguruskan urus tadbir PSSGM Pulau Pinang (PSSGMPP).

Addi kini dikenali sebagai Khalifah Besar (Pentadbiran) PSSGMPP merangkap Setiausaha PSSGMPP.

Sumbangannya yang begitu besar kepada nusa melayakkan beliau menerima pelbagai anugerah seperti, Pingat Jasa Masyarakat (PJM -2005), Pingat Jasa Kebaktian (PJK -2009) dan Pingat Perkhidmatan Am (PPA) - PDRM (2012).

Di bawah beliau, terdiri hampir 10,000 ahli yang bermastautin di Pulau Pinang. 7,000 daripadanya dikenalpasti sebagai ahli aktif.

Addi juga merupakan jurulatih silat seni dan olahraga pertubuhan, 'Wasit' (pengadil silat olahraga) dan Juri (hakim) PSSGMPP.

"Syarat mendalami ilmu bela diri silat seni gayong ini antaranya mestilah seorang yang beragama Islam.

"Silat memang mengajar orang Melayu kita supaya selalu mendekatkan diri kepada agama. Ada yang tidak tahu (akronim) S.I.L.A.T itu sendiri membawa maksud 'Selalu Ingat Lah Allah Taala'.

"Seseorang yang nakal sekalipun, akan diajar untuk selalu ingat Allah dan tidak lupa jati diri Melayu.

"Apabila seseorang itu menyertai silat (PSSGM), dia akan selalu mengelak dari buat silap kerana selalu diajar ingat Allah," ujar beliau.

## WASIAT AYAH

"Sebelum ayah meninggal, sempat beliau beritahu abang supaya jagalah gayong sebaik mungkin.

"Kompleks Pusat Latihan PSSGMPP ini merupakan salah satu sumbangan ayah. Sejak tahun 1973 lagi, gelanggang asal di atas tanah wakaf dekat Alma, sebelum berpindah ke gelanggang sekarang (pada tahun 1994).

"Di atas tanah persendirian ayah ini, kompleks ini didirikan selepas Baitul Mal mengambilalih tanah gelanggang lama itu," ujar beliau.

Sehingga kini, beliau berkata, hampir 60 peratus projek pembangunan kompleks itu telah siap. Kompleks itu boleh menampung 200 hingga 250 dalam satu-satu masa.

Kompleks itu boleh dikatakan lengkap dengan gelanggang rumput, gelanggang berbumbung, surau, gimnasium, bilik kedap muzik, bilik senjata, bilik urut serta kamar sauna herba.

"Semua ahli berdaftar atau murid PSSGMPP boleh mengguna secara percuma," ujar beliau.

Sebagai guru kanan, Addi sendiri ada membuka gelanggang silat di Kampung Baru, Bukit Mertajam yang menempatkan Kompleks Pusat Latihan PSSGMPP.

Dari pusat ini, beliau bersama rakan-rakan seperguruan lain secara sukarela mengembangkan seni bela diri Melayu di peringkat sekolah sampailah di peringkat daerah.

Sekarang, PSSGMPP bertapak aktif di enam sekolah rendah, lapan sekolah menengah, Politeknik Seberang Perai.

Kampung Sungai Duri adalah gelanggang PSSGMPP peringkat Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), gelanggang Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) di Bukit Mertajam serta gelanggang Daerah Seberang Perai Utara di Tasek Gelugor dan Kepala Batas.

## CABARAN

Beliau berkata, masyarakat masih memandang tidak serius mengenai peranan PSSGM sebagai modul pemupukan jati diri dalam kalangan anak bangsa Melayu.

"Ibu bapa masih berasa yuran serendah RM10 itu mahal. Yuran dewasa bekerjaya RM30 mungkin tiada masalah.

"Segelintir ibu bapa tak bersedia membeli seragam silat yang tidak mahal, tetapi bersedia menghabiskan beratus-ratus ringgit untuk beli seragam seni bela diri asing.

"Pernah satu ketika, seorang memberitahu saya di gelanggang bahawa 'zaman ini semua orang pakai senjata api.

"Jadi, saya mencabar orang itu mendapatkan senjata api dalam masa dua minggu, tetapi, sampai sekarang saya tidak menjumpai orang itu lagi.

"Sedangkan pihak berkuasa yang mempunyai senjata api pun, tidak boleh sewenang-wenangnya menggunakan senjata api itu. Inikan pula orang awam seperti kita.

"Saya suka murid-murid yang nakal dan berani kerana mereka suatu hari nanti akan kuat dengan jati diri bangsa dan agama apabila selalu diajar ingat Allah," ujar beliau.

## HARAPAN

Addi berkata PSSGMPP seharusnya dilihat sebagai aset dinamik untuk menyatukan Melayu di Pulau Pinang.

Justeru, katanya, pertubuhan itu memerlukan sokongan dana daripada pihak berwajib termasuk Kerajaan Negeri.

"Tanpa sokongan (dana), memang sukar nak bergerak secara sukarela sungguhpun guru-guru PSSGMPP ini bersemangat nak bina jati diri agama dalam kalangan anak muda Melayu di negeri ini.

"Kalau ada sokongan daripada pihak berwajib, silap-silap demontrasi seni bela diri (PSSGMPP) ini boleh jadi produk pelancongan serta salah satu lagi identiti Melayu di negeri ini," ujar beliau.



ADDI Putera melagakkan aksi 'gerakan sundang' dalam satu demontrasi di Padang MPSP Tun Ahmad Badawi, Butterworth sempena *Le' Tour Langkawi 2010.*

# Gotong-royong tingkat kesedaran penduduk



MOHD. Taufik Sulong (depan, berbaju putih) menanam pokok sebagai simbolik Majlis Perasmian Gotong-royong yang diadakan di Taman Kumbar Permai, Bayan Lepas di sini baru-baru ini.

**MUAFAKAT...** Sebagai langkah mengekalkan tahap kebersihan kawasan sekitar, penduduk Taman Kumbar Permai, Bayan Lepas telah menganjurkan aktiviti gotong-royong beramai-ramai dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di sini baru-baru ini.

Majlis gotong-royong sehari bersama penduduk tersebut turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti buat segenap lapisan masyarakat antaranya pertandingan kuiz untuk kanak-kanak dan juga pameran penerangan bertujuan meningkatkan kefahaman masyarakat setempat berhubung pelaksanaan program berkenaan.

Antara agensi terlibat adalah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran (JPP) yang memaparkan kepentingan inisiatif kitar semula, aspek penjagaan kesihatan oleh Unit Kesihatan dan operasi kapit serta tunda oleh direktorat Penguatkuasa MPPP.

Turut hadir, Ahli Majlis MPPP, Mohd. Taufik Sulong, Setiausaha Perbandaran, Ir. Ang Aing Thye dan Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bayan Lepas, Hasnah Hashim.

Pada majlis sama, turut diadakan adalah majlis perasmian alatan permainan hasil sumbangan ahli majlis dan penanaman pokok sebagai gimik kepada majlis perasmian berkenaan.

## Tahap kebersihan tandas masjid bakal dipertandingkan

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**



ANTARA hadirin yang hadir taklimat Kempen Kebersihan dan Keceriaan Masjid anjuran MPSP di sini baru-baru ini.

**TASEK GELUGOR –** Kempen kebersihan yang dipromosikan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) tahun ini turut memberi tumpuan kepada kawasan masjid-masjid di seluruh Seberang Perai bermula di daerah Seberang Perai Utara (SPU) di sini.

Tumpuan tersebut adalah berdasarkan keperluan penekanan aspek berkenaan di kawasan masjid yang juga perlu diberi perhatian terutamanya pada aspek pelaksanaan aktiviti kebersihan dan kitar semula.

Ahli Majlis MPSP, Md. Jamil Abdul Rahman berkata, masih ramai yang tidak mengamalkan inisiatif kitar semula, 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*) yang dipromosikan MPSP sekian lama.

"Masjid merupakan tempat ibadah dan pertemuan umat Islam, justeru adalah penting ia menjadi contoh pada aspek kebersihan kepada semua pihak.

"Malah, saya turut mencadangkan supaya diadakan pertandingan tandas bersih masjid yang juga dikategorikan sebagai tandas awam oleh MPSP.

"Pertandingan tersebut wajar membabitkan tandas-tandas masjid di seluruh SPU kendalian MPSP dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP)," katanya pada sesi taklimat Kempen Kebersihan dan Keceriaan Masjid anjuran MPSP di Masjid Pokok Tampang di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Yang DiPertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Mohd. Salleh Man, Ahli Majlis MAINPP, Rosidi Hussain serta Ahli Majlis MPSP, Ahmad Farid Md. Arshad serta Abdul Latif Abdullah.

Dalam pada itu, Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud berkata, kadar kitar semula dalam negara kini hanya mencapai tahap lima peratus sahaja.

"Di negara maju, secara kasar adalah pada tahap 75 peratus, contohnya, Jerman sebanyak 74 peratus, Belgium (71 peratus), Belanda (65 peratus), malah, Singapura mencecah 40 peratus," jelasnya.

Tambahnya, di negeri Pulau Pinang kini, kadar kitar semula adalah mencapai 30 peratus iaitu 10 peratus atau awal tujuh tahun melebihi sasaran peringkat kebangsaan yang menyasarkan tahap pencapaian 20 peratus menjelang tahun 2020.

## Banjir kilat Kg.Tok Panjang dapat perhatian MPSP

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT TENGAH** - Beberapa Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini mengadakan tinjauan langsung di Kampung Tok Panjang, di sini berhubung masalah perparitan serta banjir kilat yang kerapkali berlaku di kampung berkenaan.

Mereka, Ahmad Tarmizi Abdullah, Sarina Hashim, K. Visvanathan, S. Guanalan dan Tan Xin Ying.

Pegawai dari Jawatankuasa Bantahan MPSP turut hadir dalam operasi meninjau beberapa projek pemajuan perumahan baru yang didakwa tidak menyediakan sistem perparitan mengikut spesifikasi digariskan majlis.

Wakil warga setempat, Khairul Ishak, 33, mendakwa, kegagalan pemaju dipercayai membina sistem perparitan mengikut piawaian mengakibatkan kampung tersebut terus dilanda banjir kilat.

"Kalau longkang kecil, mustahil boleh menyurai air keluar dari kampung ini jika hujan turun lebih setengah jam.

"Siapa yang membenarkan pemaju bina taman di sini tanpa terlebih dahulu membina sistem parit ikut piawaian," soal beliau.



DUA kanak-kanak menunjukkan keadaan sistem perparitan yang dipercayai tidak mengikut piawaian digariskan MPSP di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, penduduk setempat pada tahun 2010 ada menuntut supaya dibina sistem perparitan yang besar semasa proses bantahan kendalian MPSP.

Namun, beliau mendakwa, pemaju tidak mengambil kira tuntutan penduduk semasa membangunkan projek perumahan tersebut sekarang.

Sarina dalam reaksi spontan berkata, pihaknya akan cuba menyemak butir lanjut mengenai projek tersebut, selain, merujuk aduan itu kepada Jawatankuasa Bantahan MPSP.

"Kita akan semak inti bantahan yang penduduk kemukakan. Jika ada bantahan dibuat, kita akan timbang langkah selanjutnya," tegas beliau.

Beliau turut mengaku, parit yang dibina mengelilingi tapak pemajuan perumahan tersebut adalah 'terlalu kecil'.

# Aduan polis kes pasang bendera bahaya pengguna jalanraya

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Satu laporan polis dibuat baru-baru ini berhubung insiden bendera 1Malaysia dipasang tanpa permit di sekitar sini menjelang majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina anjuran Barisan Nasional (BN) Negeri Pulau Pinang.

Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ong Ah Teong berkata, penganjur memasang bendera berkenaan bukan sahaja tanpa permit, malah, turut membahayakan keselamatan pengguna jalanraya.

"Kita mula menurunkan kesemua bendera ini bermula tengah hari (9 Februari lalu) melalui bantuan direktorat Penguatkuasa MPPP.

"Pihak tidak bertanggungjawab itu dinasihatkan supaya memohon permit (daripada MPPP) terlebih dahulu kelak supaya insiden membahayakan keselamatan pengguna jalanraya dapat dielakkan," ujar beliau di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut di sini baru-baru ini.

Dalam laporan polis atas penama Mary Betty AK Jeffry menyebut, bendera-bendera berkenaan digantung di sepanjang Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu, Jalan Datuk Keramat, sekitar Komtar, Jalan Air Itam, Jalan Masjid Kapitan Keling, Lebuh Farquhar, Lebuh Pantai, Jalan Penang, Chulia Street dan sekitarnya.

Tinjauan umum mendapati, bendera tersebut turut dipasang di sekitar Sungai Nibong, Bayan Lepas, termasuk di Bulatan Besar Sungai Dua, Bayan Baru.

Pada penghujung tahun lalu, Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam MPPP memutuskan untuk menguatkuasakan garis panduan pemasangan bendera parti politik di Daerah Timur Laut (DTL) dan Daerah Barat Daya (DBD) di sini.

Menerusi garis panduan tersebut, setiap permohonan perlu dihantar selewat-lewatnya tiga hari sebelum pemasangan bendera di lokasi dengan bayaran deposit sebanyak RM150 untuk 100 unit bendera dan seterusnya mengikut kadar yang telah ditetapkan.

Wang deposit akan dirampas tanpa sebarang pemberitahuan sekiranya bendera tidak diturunkan dalam tempoh dua hari selepas program dijalankan. Lanjutan itu, penalti RM10 untuk setiap unit bendera bakal dikenakan pihak MPPP yang terpaksa menurun serta merampas bendera-bendera berkenaan.

Bendera-bendera yang dirampas akan diberikan semula berserta denda RM50 sehari bagi tujuan penyimpanan selepas tarikh ianya dirampas. Tempoh penyimpanan hanya dihadkan kepada dua minggu, sekiranya tidak dituntut, ia (bendera-bendera) akan dilupuskan.



**ANTARA bendera BN 1Malaysia yang dipasang di tiang lampu utama yang membahayakan para pengguna jalanraya di sini baru-baru ini.**

## Gereja laksana CSR sedia jalan perkhidmatan



**TAN Seng Keat (empat dari kiri) bersama-sama ahli jawatankuasa Gereja Burma Road Gospel Hall memotong reben sebagai simbolik perasmian jalan perkhidmatan di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Pihak jawatankuasa Gereja Burma Road Gospel Hall telah melaksanakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan menyediakan jalan perkhidmatan di hadapan gereja di bawah pengurusannya bagi mengurangkan masalah kesesakan di hadapan sebuah kedai biskut terkenal, Him Heang di Jalan Burma di sini baru-baru ini.

Pelaksanaan tersebut lazimnya memberi kemudahan kepada para pelanggan dari luar dan dalam negeri meletakkan kenderaan masing-masing selain di bahu jalan sehingga menyebabkan masalah kesesakan sebelum ini.

Penyelaras Bahagian Bangunan Gereja Burma Road Gospel Hall, Dr. Chan Kok Ewe berkata, projek tersebut dijalankan serentak dengan pembinaan blok baru gereja dengan kos keseluruhan bernilai RM5 juta.

"Matlamat kami adalah bagi kemudahan semua pengguna jalanraya (Jalan Burma) dan juga para pelancong yang ingin mendapatkan buah tangan terkenal dari negeri ini (biskut Him Heang)," katanya pada sidang akhbar di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, menurut Ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Tan Seng Keat, projek tersebut sudah dimulakan sejak Mac 2011 dan berjaya disiapkan pada hujung Januari lalu.

"Selepas ia dibuka secara rasminya pada hari ini, penyelenggaraan jalan ini bakal dijalankan pihak MPPP.

"Namun parkir ini hanyalah untuk perhentian sementara, bukannya untuk tempoh yang lama. Sehubungan itu, para anggota penguatkuasa akan membuat pemantauan dari semasa ke semasa," ujar beliau.

## MPPP raih Anugerah Khas Untuk Inovasi Sektor

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



**CHOW Kon Yeow (kanan) bersama Setiausaha Perbandaran MPPP, Ir. Ang Aing Thye menunjukkan trofi dan sijil penghargaan Anugerah Khas Untuk Inovasi Sektor Awam Peringkat Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2011 yang dimenangi di sini baru-baru ini.**

**TANJONG BUNGA -** Inisiatif Inovasi Penyusunan Semula Aktiviti Pantai dan Air Jajaran Batu Feringghi (*Beach Makeover*) berjaya melayakkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) memenangi Anugerah Khas Untuk Inovasi Sektor Awam Peringkat Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2011.

Kemenangan tersebut kemudian melayakkan pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit meneruskan saingan di peringkat kebangsaan bagi Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) bagi tahun 2012 anjuran Unit Permodenan dan Perancangan Pengurusan (MAMPU) di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow dalam pada itu mengucapkan tahniah kepada MPPP yang secara tidak langsung kemenangan terbabit berjaya meningkatkan kualiti serta imej Batu Feringghi.

"Sungguhpun kita akui memang terdapat sedikit masalah berhubung pelaksanaan inisiatif terbabit khususnya insiden kemalangan tidak dijangka, kemenangan ini adalah di luar jangkaan semua.

"Sukan di darat pun ada risikonya, apatah lagi sukan air. Namun kita akan berusaha bagi meminimumkan insiden yang tidak diingini tersebut daripada berlaku," katanya pada satu sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Kon Yeow, penganugerahan terbabit bakal menjadi pemangkin dalam menambahbaik aktiviti pantai di sini dengan penganjuran seminar dari semasa ke semasa bagi memantapkan tahap keselamatan sedia ada.

Sementara itu, Pengarah Rekreasi, Pelancongan dan Pengurusan Antarabangsa MPPP, Muhamed Akhbar Mustapha menyatakan bahawa terdapat beberapa pembaharuan yang telah dilaksanakan sehingga melayakkan MPPP memperoleh anugerah berkenaan.

"Antaranya, penubuhan *Penang Water Sport Operator Association* bagi memastikan pengurusan aktiviti pantai bersama 24 pengusaha sukan pantai lebih profesional dan efisien.

"Penubuhan persatuan dengan kerjasama MPPP telah memastikan penguatkuasaan ditingkatkan dengan memastikan boya-boya (pelampung) dipasang di kawasan mandi, penubuhan badan penyiasatan, memperkenalkan sistem dimerit, pembahagian zon operasi, borang *checklist* serta persetujuan dan sebagainya," ujar beliau.

# Pelajar tuisyen percuma raih keputusan cemerlang



SEBAHAGIAN pelajar yang mencapai keputusan cemerlang dalam PMR bersemangat bergambar bersama-sama Abdul Malik Abul Kassim (berdiri, empat dari kiri) pada Majlis Penghargaan Kepada Pelajar Cemerlang PMR 2012 dan Pelancaran Tuisyen Percuma DUN Batu Maung 2013 di Balairaya Sungai Ara di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**SUNGAI ARA** – Pelaksanaan kelas tuisyen percuma bagi pelajar yang bakal menduduki peperiksaan umum merupakan sebahagian daripada teras pendidikan yang diperkenalkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim di sini baru-baru ini.

Menurut Abdul Malik, pelaksanaan kelas tuisyen percuma yang kini telah memasuki tahun kelima ternyata dapat membantu para pelajar yang bakal menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Tiada ibu bapa yang tidak mahu melihat kejayaan anak-anak mereka.

"Penyediaan kelas tuisyen percuma itu adalah sebahagian daripada inisiatif untuk melihat generasi muda terus menimba ilmu ke tahap yang membanggakan," ucapnya ketika hadir merasmikan Majlis Penghargaan Kepada Pelajar Cemerlang PMR 2012 dan Pelancaran Tuisyen Percuma DUN Batu Maung 2013 di Balairaya Sungai Ara di sini baru-baru ini.

Tambahnya, pada tahun 2012, sejumlah 50 pelajar telah berdaftar untuk mengikuti kelas tuisyen percuma di dua pusat di sini iaitu di Sungai Ara dan di Batu Maung.

"Daripada jumlah tersebut, seramai 16 pelajar yang mengikuti kelas tersebut telah memperoleh keputusan cemerlang iaitu 7A dan ke atas dalam PMR yang diumumkan baru-baru ini.

"Mereka (pelajar cemerlang) inilah model yang kita ingin lahirkan di Pulau Pinang, selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk membangunkan modal insan berkemahiran tinggi dan berprestasi cemerlang," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Bagi sebarang maklumat lanjut, sila hubungi pejabatnya di talian 04 - 650 5135 atau Pusat Khidmat ADUN di talian 04 - 626 1968.

# 60 penduduk dirai dalam majlis Maulidur Rasul

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



JAGDEEP Singh Deo (dua dari kanan) menyerahkan hamper kepada salah seorang penerima di Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1434H/2013M Anjuran DUN Datok Keramat di sini baru-baru ini.

**DATOK KERAMAT** – Seramai 60 penduduk kurang berkemampuan menerima hamper sumbangan berupa barangan keperluan harian bersempena sambutan Maulidur Rasul 1434H/2013M anjuran Dewan Undangan Negeri (DUN) Datok Keramat di sini baru-baru ini.

Majlis yang berlangsung di Masjid Acheh, Kebun Lama di sini bertujuan membantu mereka yang kurang bernasib baik seperti keluarga miskin, orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal dan warga emas tanpa mengira latar belakang.

Ahli Dewan Undangan Negerinya, Jagdeep Singh Deo ketika berucap melahirkan rasa keyakinan beliau bahawa Kerajaan Negeri mampu menyelesaikan masalah utama kampung berkenaan iaitu banjir sekiranya terus diberi mandat oleh rakyat.

"Dalam tempoh lima tahun pemerintahan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR), kita dapat lihat masalah banjir dapat dikurangkan sedikit.

"Saya sasarkan pada tahun ini, Fasa II dapat disiapkan sepenuhnya selepas kerajaan terdahulu gagal menyelesaikan masalah Fasa I dan penempatan semula penduduk.

"Atas inisiatif kerajaan kini (Kerajaan Negeri PR), sebanyak 70 hingga 80 peratus isu penempatan semula telah selesai untuk memberi laluan kepada projek tebatan banjir (RTB) bagi menangani masalah banjir di sini," katanya pada majlis berkenaan di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim.



SALEHIN Mohamed (kiri) menyampaikan jersi dan bola kepada Shahrin Othman (kanan) dalam majlis ringkas di sini baru-baru ini.

# V-TAT United terima jersi, bola baru

**TELOK AIR TAWAR** – Bagi melahirkan masyarakat cergas fizikal dan mental, Pusat Khidmat Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Telok Air Tawar menyampaikan sumbangan jersi dan bola kepada Pasukan Veteran Telok Air Tawar United (V-TAT United) di Kampung Tersusun di sini baru-baru ini.

PPKnya, Salehin Mohamed berkata, sumbangan tersebut adalah sebagai suntikan untuk golongan veteran meneruskan gaya hidup sihat.

"Pada masa sama, ia juga bagi memartabatkan sukan bolasepak tempatan," katanya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Jersi dan Bola kepada Pasukan V-TAT United di sini baru-baru ini.

Kapten pasukan, Shahrin Othman sebagai wakil menerima sumbangan berkenaan.

# Dekati masyarakat jangan bermusim - Rosidi



**ROSIDI Hussain (kiri sekali) menyampaikan sumbangan beras kepada salah seorang penerima di Kampung Permatang Tok Brain di sini baru-baru ini.**

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PENAGA –** Bagi Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penaga, Rosidi Hussain, menyantuni dan bertemu masyarakat setempat adalah rutin yang perlu dilaksanakan secara berterusan dan bukannya bermusim.

"Jangan hanya '*time*' nak pilihanraya atau '*emergency time*' sahaja baru nak rapati masyarakat, sebaliknya, dekati masyarakat setiap hari walaupun hanya dengan sapaan.

"Biar masyarakat rasa senang dan dekat dengan kepimpinan negeri," ulas Rosidi ketika mengadakan lawatan mingguan dari rumah ke rumah di Kampung Permatang Tok Brain di sini baru-baru ini.

Terbaru, beliau bersama sebahagian jawatankuasa Pusat Khidmat PPK Penaga telah menyantuni beberapa warga emas, orang kurang upaya (OKU), mangsa kemalangan jalanraya, ibu tunggal dan individu uzur di sini.

Dalam lawatan tersebut, Rosidi turut menyampaikan hamper berupakan barangan dapur, beras, kalendar dan risalah Kerajaan Negeri.

# Bantuan untuk mangsa kebakaran



**KEADAAN kediaman mangsa-mangsa kebakaran di Pajak Song di sini baru-baru ini.**

**SUNGAI DUA –** Nasib dua keluarga yang menjadi mangsa kebakaran di Pajak Song di sini baru-baru ini memperoleh perhatian Kerajaan Negeri.

Selain bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat, sumbangan turut dihulurkan bagi pihak Kerajaan Negeri.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Sungai Dua, Zahadi Mohammad yang melawat ke tempat kejadian berkata, mangsa yang terlibat adalah Hassan Hussain, 65, Salleh Hussain, 58.

"Kejadian yang berlaku sekitar jam 10.30 pagi tersebut telah menyebabkan dua sekeluarga terbabit kerugian hampir RM300,000," katanya di sini baru-baru ini.



**SEBAHAGIAN peserta yang turut serta memeriahkan aktiviti hujung minggu anjuran Pusat Khidmat PPK Bertam di sini baru-baru ini.**

# Memancing di parit 'ban' imbau kenangan lampau

**BERTAM -** Aktiviti memancing di parit 'ban' bukanlah sesuatu yang kerapkali dilakukan dewasa ini, namun, bagi Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bertam, Asrol Sani Abd. Razak, aktiviti tersebut dihidupkan semula bagi mengisi masa lapang hujung minggu di sini.

"Keunikan memancing di parit 'ban' bukan sahaja mampu menggamitkan kenangan orang-orang dulu, tetapi juga memberi pengalaman baru buat generasi muda yang tidak pernah merasai pengalaman tersebut.

"Kalau kita tengok, aktiviti ini cukup meriah dan gamat, selain dapat berkumpul dan berkelah sambil memancing, mereka yang turut serta juga dapat membawa pulang hasil tangkapan masing-masing," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Menurut Asrol Sani, kira-kira 120 penduduk di Kampung Permatang Kuang di sini turut serta dalam aktiviti hujung minggu anjuran Pusat Khidmat PPK Bertam dan Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Johari Kassim.

# TABUNG RUMAH MAMPU MILIK KERAJAAN NEGERI PAKATAN RAKYAT RM500 JUTA - PALING BESAR DALAM SEJARAH PULAU PINANG DENGAN MEMBINA 19,172 UNIT.

## Jangan percaya fitnah semua kos rumah mampu milik adalah RM400,000.



Jalan S.P. Chelliah, George Town - 1,320 unit.



Bandar Cassia, Batu Kawan, Seberang Perai Tengah - 12,000 unit

| Jumlah Unit (Unit) | Luas Unit (kaki persegi) | Harga Seunit (RM) |
|---|---|---|
| *770 | 700 | 72,500 |
| 303 | 800 | 200,000 |
| 165 | 900 | 300,000 |
| 82 | 1,000 | 400,000 |

* 320 unit khas untuk pembeli Bumiputera sahaja.

| Jumlah Unit | Luas Unit (kaki persegi) | Harga Seunit (RM) |
|---|---|---|
| 4,800 (40%) | 800 | 72,500 |
| 4,200 (35%) | 900 | 168,000 |
| 3,000 (25%) | 1,000 | 220,000 |

(Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, PDC).

Fakta :

- Dibina melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) mengikut model sama dengan Kerajaan Persekutuan yang membina rumah melalui agensi mereka, Syarikat Perumahan Awam Negara (SPAN).

- PDC mematuhi harga siling yang ditetapkan YAB Perdana Menteri dalam Belanjawan 2013 menerusi PR1MA iaitu RM72,500 hingga RM400,000 di kawasan bandar dan RM72,500 hingga RM220,000 di kawasan luar bandar. Kalau harga siling rumah mampu milik sebanyak RM400,000 adalah salah, maka YAB Perdana Menteri pun salah.

**Pendaftaran Minat Perumahan Mampu Milik kini melepasi 10,000 pemohon.**
**3 kaunter dibuka sehingga 7 Mac 2013 di :**
- **Ruang legar Tingkat 3, Komtar.**
- **Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda.**
- **Pejabat PDC, Bayan Baru.**

**dari jam 9 pagi – 5 petang.**



SAMBUTAN kaunter Pendaftaran Minat Perumahan Mampu Milik pada hari pertama dibuka di ruang legar Komtar.